جابتن ڤرتانين دان اڬريماكنن
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri

VER.1.0

GARISPANDU PUSAT VETERINAR (KLINIK DAN HOSPITAL VETERINAR)

GUIDELINE FOR VETERINARY CENTER (VETERINARY CLINIC AND HOSPITAL)

Disediakan oleh: **Bahagian Industri Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar**
Division of Livestock Industry and Veterinary Services

Published: September 2026

Isi Kandungan | *Table of contents*

1. PENGENALAN | INTRODUCTION 1

1.1 PRINSIP KEBEBASAN TERHADAP KEBAJIKAN HAIWAN / FIVE FREEDOMS OF ANIMAL WELFARE PRINCIPLES 1

2. DEFINISI ISTILAH | DEFINITION OF TERMS 3

3. PERKHIDMATAN PUSAT VETERINAR | VETERINARY CENTRES SERVICES 6

3.1 KLINIK VETERINAR | VETERINARY CLINIC 8

3.2 HOSPITAL VETERINAR | VETERINARY HOSPITAL 9

4. SYARAT AM UNTUK SEMUA PUSAT VETERINAR | GENERAL REQUIREMENTS FOR ALL VETERINARY CENTRES 11

4.1 Prinsip Panduan untuk Pusat Veterinar | Guiding Principle for the Regulation of Veterinary Centres 11

4.1.1Penubuhan | Establishment 11

4.1.2 Operasi dan penyelenggaraan | Operation and Maintenance 11

4.2 Kriteria Umum Premis dan Amalan | General Criteria of Premise and Practice 13

4.2.1 Infrastruktur Am | General Infrastructure 13

4.2.2 Ruang Petak | Space Compartments 15

4.2.3 Kebersihan | Sanitation 15

4.2.4 Keselamatan | Safety 16

4.2.5 Paparan Awam | Public Displays 16

4.3 Reka Bentuk Kawasan Pelanggan | Design of Client Areas 18

4.3.1 Tempat penerimaan | Reception 19

4.3.2 Tempat Menunggu | Waiting Area 20

4.3.3 Kawasan Pemeriksaan dan Konsultasi | Examination and Consultation Area 20

4.4 Reka Bentuk Kawasan Klinikal | Design of Clinical Areas 22

4.4.1 Farmasi dan Bilik Penyimpanan Ubat | Pharmacy and Drug Storage Room 22

4.4.2 Bilik Kuarantin | Quarantine Room 26

4.4.3 Kawasan Persediaan dan Rawatan Pesakit (Pilihan) | Patient Preparation and Treatment Area (Optional) 27

4.4.4 Kawasan Pembedahan | Surgery Area 27

4.4.5 Kawasan Pemulihan | Recovery Area 28

4.4.6 Kawasan Pengasingan (Kawasan Kawalan Penyakit) | Isolation Area (Disease Control Area) 28

4.4.7 Radiologi | Radiology 29

4.4.8 Makmal | Laboratory 30

5.KEPERLUAN MINIMUM KHUSUS KLINIK VETERINAR DAN HOSPITAL VETERINAR | SPECIFIC MINIMUM REQUIREMENTS OF VETERINARY CLINICS AND VETERINARY HOSPITALS 32

5.1 Klinik Veterinar | Veterinary Clinic 32

5.2 Hospital Veterinar | Veterinary Hospital 34

5.3 Kakitangan | Personnel 37

6.KEPERLUAN LAIN – BERKENAAN UNTUK SEMUA KATEGORI AMALAN VETERINAR YANG BERSESUAIAN | OTHER REQUIREMENTS – APPLICABLE TO ALL VETERINARY PRACTICE CATEGORIES WHERE APPROPRIATE 40

6.1 Klinik Bergerak | Mobile Clinic 40

6.2 Panggilan Rumah | House Call 40

6.3 Penggunaan Kenderaan Untuk Pengangkutan Haiwan Dari Dan Ke Pusat Veterinar | Use of Vehicles for The Transport of Animals to and From Veterinary Centres 42

6.4 Penyimpanan Rekod | Record Keeping 43
6.4.1 Rekod Pesakit | Patient Records 43
6.4.2 Borang Persetujuan | Consent Forms 44
6.4.3 Rekod Anestesia | Anesthesia Records 45
6.4.4 Edaran Pelanggan | Client Handout 45

6.5 Pengurusan | Management 46

6.6 Kemudahan | Amenities 48
6.6.1 Pejabat | Office 48
6.6.2 Bilik Kakitangan | Staff Room 48
6.6.3 Lain-Lain | Others 48

6.7 Insurans Indemniti Profesional | Professional Indemnity Insurance 50

7.PROSEDUR MENYEDIAKAN PUSAT VETERINAR | PROCEDURES TO SET UP A VETERINARY CENTRE 51

8.MAKLUMAT LANJUT | FURTHER INFORMATION 53

9.RUJUKAN | REFERENCES 54

1. PENGENALAN | *INTRODUCTION*

Garis panduan ini adalah kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam khusus bagi pemilik premis veterinar yang baru atau yang sedia ada mengenai keperluan asas reka bentuk, pentadbiran, pengurusan, kakitangan dan kawasan untuk mendiagnosis penyakit atau kondisi haiwan; pembedahan atau perubatan untuk merawat haiwan atau mencegah penyakit haiwan. Kriteria tersebut tertakluk kepada perubahan selaras dengan kemajuan perkhidmatan veterinar di Negara Brunei Darussalam.

Tujuan panduan ini adalah untuk memastikan piawaian minimum premis veterinar di Negara Brunei Darussalam dilesenkan di bawah *Chapter 254, Animal (Disease and Quarantine) Act* dan peraturannya, *Section 47, Part 7 Licensing of Veterinary Centre, Veterinary Biologics and Keeping, Breeding etc of Animal and Section 72(n).* Dengan pada itu, ianya juga untuk memastikan premis dilengkapi dengan kelengkapan yang berkaitan untuk beroperasi dalam persekitaran yang baik bagi kakitangan dan haiwan serta bertujuan untuk mengekalkan piawaian profesional dan mendapatkan keyakinan pengguna terhadap kesihatan dan kebajikan haiwan dengan mengikuti lima Prinsip Kebebasan Terhadap Kebajikan Haiwan.

This guideline applies to any resident of Brunei Darussalam that wish to be or are future or existing owners of veterinary premises on basic requirements on the design, administration, management, personnel and the layout of clinical areas, such as consultation, surgical, treatment and isolation areas. The criteria are subject to changes in line with the progress of veterinary services in Brunei Darussalam.

The purpose of this guideline is to ensure that the minimum standards of veterinary premises in Brunei Darussalam are upheld to be licensed under Chapter 254, Animal (Disease and Quarantine) Act and its regulations, Section 47; Veterinary centres to be licensed, under Part 7; Licensing of Veterinary Centre, Veterinary Biologics and Keeping, Breeding etc. of Animal, and Section 72(n); Regulations, under Part 10; General. Consequently, it is also to ensure that these veterinary premises are well equipped to operate in a good environment for both personnel and animals, as well as aiming to maintain professional standards and gain consumer confidence towards animal health and welfare by following the Five Freedoms of Animal Welfare principles.

1.1 PRINSIP KEBEBASAN TERHADAP KEBAJIKAN HAIWAN / *FIVE FREEDOMS OF ANIMAL WELFARE PRINCIPLES*

Prinsip Kebebasan Terhadap Kebajikan Haiwan merupakan prinsip yang direka untuk memastikan kesejahteraan fizikal, mental dan emosi haiwan semasa berada di bawah jagaan manusia. Prinsip tersebut boleh dibahagikan seperti berikut:
The Five Freedoms of Animal Welfare are principles that were designed to ensure the physical, mental and emotional well-being of animals while under human care. The principles are outlined as follows;

A. Bebas daripada lapar dan dahaga | *Freedom From Hunger and Thirst*

   Menyediakan akses kepada air bersih secara *ad libitum* dan diet khusus untuk mengekalkan kesihatan dan kecergasan mengikut jenis haiwan.
   Provide access to clean water ad libitum and specific diets to maintain health and vigor following the types of animals.

B. Bebas daripada ketidakselesaan | *Freedom From Discomfort*

Menyediakan persekitaran yang sesuai termasuk tempat perlindungan dan tempat rehat yang selesa. Contohnya dengan menyediakan peralatan tempat tidur yang lembut dan kawasan dengan suhu persekitaran dan tahap bunyi bising yang sesuai dan akses kepada cahaya semula jadi. Jika haiwan berada di kawasan luar, ia mesti mempunyai perlindungan daripada faktor persekitaran luaran seperti panas terik, hujan dan angin kencang serta makanan dan air yang sesuai untuk haiwan berkenaan.

Provide an appropriate environment including shelter and a comfortable resting area. For example, by providing soft bedding and an area with appropriate temperature, noise levels, and access to natural light. If an animal is outside, it must have shelter from external environmental factors such as heat, rain and strong wind as well as provision of appropriate food and water sufficient for the animal.

C. Bebas daripada sakit, cedera atau penyakit | *Freedom From Pain, Injury or Diseases*

Menyediakan pencegahan, diagnosis dan rawatan secepat mungkin daripada doctor veterinar.

Providing preventatives, diagnosis and treatment against diseases, including vaccinations, monitoring animals based on their physical health, treatment of any injuries or diseases and providing appropriate medications when required.

D. Bebas Untuk Menunjukkan Tingkah Laku Biasa / *Freedom To Express Normal Behaviour*

Menyediakan ruang yang mencukupi, kemudahan yang bersesuaian, dan berkumpulan bersama jenis haiwan itu sendiri. Haiwan perlu diberi ruang untuk membolehkan interaksi dengan spesis sesama sendiri — ataupun mengelakkan — seperti yang dikehendaki haiwan tersebut. Juga, dengan membenarkan haiwan untuk berkelakuan normal atau meregangkan setiap bahagian badan mereka, serta berlari, melompat dan bermain.

Provide sufficient space, proper facilities, and company of the animal's own kind. Animals need to be able to interact with — or avoid — others of their own kind as desired. Animals are given space to allow interaction with their own species, or to avoid as the animal wishes. Also, by allowing the animals to express or stretch every part of their body (from nose to tail), and run, jump, and play.

E. Bebas Daripada Ketakutan atau Kesusahan / *Freedom From Fear or Distress*

Kesihatan mental haiwan adalah sama pentingnya dengan kesihatan fizikalnya, oleh itu, perlu memastikan keadaan dan rawatan tidak menyebabkan penderitaan mental kerana tekanan psikologi boleh cepat beralih kepada penyakit fizikal. Keadaan ini boleh dicapai dengan mengelakkan kesesakan, menyediakan sumber asasi yang mencukupi dan ruang yang selamat bagi haiwan tersebut.

The mental health of an animal is as equally important as its physical health; hence, it is important to ensure the conditions and treatment are not to cause mental suffering as psychological stress can quickly transition into physical illness. These conditions can be achieved by preventing overcrowding, providing sufficient basic resources and safe spaces for the animal

2. DEFINISI ISTILAH | *DEFINITION OF TERMS*

Istilah *Terms*	Keterangan *Description*
Anestesia *Anaesthesia*	Keadaan di mana pesakit menjadi tidak sedar terhadap semua deria sama ada secara lokal seperti dengan anestetik setempat, atau sepenuhnya seperti dengan anestetik am. *The state in which a patient is rendered insensible to all sensations and consciousness, either locally, as with a local anaesthetic, or completely as with a general anaesthetic.*
Anestetik *Anaesthetic*	Agen yang digunakan untuk menyebabkan pesakit tidak sedar terhadap semua deria sama ada secara lokal atau sepenuhnya seperti dengan anestetik am. *Drug agents which are used induce anaesthesia, to render a patient insensible to all sensations and consciousness and can be administered either locally, regionally, or as a general anaesthetic.*
Pengendali Haiwan *Animal Handlers*	Menjalani latihan dalam penjagaan haiwan, termasuk jurulatih haiwan dan pengurusan haiwan. *Have training in animal care, including animal trainer and animal management*
Pesakit Haiwan *Animal Patient*	Haiwan yang diterima oleh pusat veterinar untuk rawatan, penjagaan dan perkhidmatan veterinar. *An animal accepted by veterinary centres for veterinary care and services.*
Doktor Veterinar Yang Berlesen *Licensed Veterinarian*	Seorang individu yang berkelulusan dengan Ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau yang sebanding dari institusi yang diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK), berdaftar dibawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan mempunyai Sijil Amalan Tahunan yang sah di bawah Seksyen 18, Perintah Doktor Veterinar 2005. *A person who has graduated from an accredited institution recognised by the Brunei Darussalam National Accreditation Council with a degree of Doctor of Veterinary Medicine or its equivalent, is registered and has a valid and current Annual Practicing Certificate, as specified under Section 18, Veterinary Surgeon Order 2005.*
Haiwan Kesayangan Kecil *Companion Animal*	Haiwan seperti anjing, kucing, burung, reptilia kecil dan haiwan lain yang boleh dipelihara di dalam rumah. *Animals such as dogs, cats, birds, small reptiles and other animals that can be kept within the household as a pet.*

Istilah *Terms*	Keterangan *Description*
Haiwan Ternakan *Large Animal*	Haiwan ternakan seperti kerbau, lembu, kambing, kambing biri-biri dan ayam yang dipelihara untuk makanan dan haiwan ternakan yang dipelihara bukan untuk makanan seperti kuda *Food producing and non-food producing animals such as horses, cattle, sheep, goats, and other animals.*
Perkhidmatan ke Rumah *House Call Service*	Perkhidmatan veterinar yang diberikan bagi pemeriksaan rutin sahaja seperti pemeriksaan dan konsultasi kesihatan am, vaksinasi dan ubat cacing, rawatan kecil dan penjagaan luka, pengambilan sampel, penjagaan pencegahan (kawalan parasite, kaunseling pemakanan) *Veterinary services provided for routine check ups only such as general health checku-ups and consultations, vaccinations and deworming, minor treatments and wound care, sample collection, preventive care (parasite control, nutritional counselling)*
Pembedahan *Surgery*	Prosedur yang dilakukan pada haiwan dengan menggunakan alat pembedahan yang melibatkan organ atau sebahagian daripadanya dengan penggunaan anestetik. *A procedure performed on animals, under anaesthesia, with the use of surgical instruments involving incision, excision, and/or transection of organs and tissues.*
Rawatan *Treatment*	Pengurusan dan penjagaan haiwan yang sakit, dengan memberikan ubat-ubatan yang betul dan/atau intervensi yang sesuai. *The management and care of sick animals, through the administration of medications, surgical interventions and/or approved alternative therapies.*
Pusat Veterinar *Veterinary Centre*	Merujuk kepada kemudahan, sama ada klinik veterinar atau hospital, yang menyediakan perkhidmatan veterinar untuk haiwan. *Refers to a facility, either a veterinary clinic or hospital, that provides veterinary services for animals.*
Klinik Veterinar *Veterinary Clinic*	Fasiliti yang menjalankan diagnosis dan rawatan terhadap haiwan yang sakit, mati atau sakit tenat, terutamanya haiwan peliharaan domestik. Perkhidmatan tersebut termasuk vaksinasi, penjagaan kesihatan am, pembedahan, khidmat nasihat, dispensari ubat veterinar dan penjualan produk haiwan. *A veterinary centre that provides veterinary services during common working hours and has suitable facilities for the examination, diagnosis, medical or surgical treatment, and prophylaxis of animals.*

Istilah *Terms*	Keterangan *Description*
Hospital Veterinar *Veterinary Hospital*	Pertubuhan veterinar yang menyediakan tahap perkhidmatan veterinar yang lebih lengkap, mempunyai kakitangan dan kemudahan yang lengkap untuk pemeriksaan, diagnosis, rawatan perubatan atau pembedahan, dan profilaksis haiwan. Ia juga menyediakan perkhidmatan kecemasan, kemasukan ke hospital dan penjagaan haiwan secara 24 jam, 7 hari seminggu untuk kes klinikal. *A veterinary centre that provides a higher level of veterinary services, and fully equipped facilities for the examination, diagnosis, medical or surgical treatment, and prophylaxis of animals. It also provides emergency services, hospitalization and nursing care for animals on a 24-hour, 7-days a week basis for clinical cases.*
Haiwan Eksotik / Liar *Exotic / Wildlife Animal*	Eksotik merujuk kepada haiwan peliharaan yang "bukan tradisional" seperti tikus, burung, reptilia, amfibia dan mamalia kecil lain seperti ferret, sugar glider, possum dan lain-lain. *Exotic may refer to the "non-traditional" pets such as rodents, birds, reptiles, amphibians, and other small mammals such as ferrets, sugar gliders, possums and others.*

3. PERKHIDMATAN PUSAT VETERINAR | *VETERINARY CENTRES SERVICES*

Pusat veterinar, mengikut Bab 254; Akta Penyakit Haiwan dan Kuarantin, adalah disamakan dengan gelaran berikut iaitu; hospital veterinar, klinik veterinar, perkhidmatan veterinar, dan sebagainya. Untuk tujuan garis panduan ini, klinik veterinar dan hospital veterinar ditakrifkan secara berasingan untuk memberikan takrifan dan pembahagian perkhidmatan yang betul. Jenis perkhidmatan veterinar yang mungkin termasuk dalam pusat veterinar dikenal pasti dan diterangkan seperti berikut;

Veterinary centres, in accordance with Chapter 254; Animal Disease and Quarantine Act, is synonymous with the following titles; veterinary surgery, veterinary clinic, and etc. For the purposes of this guideline, veterinary clinics and veterinary hospitals are defined separately to provide proper definitions and division of services provided. Specific veterinary services that may be included within veterinary centres, or provided as a sole service, are identified and described as follows;

Amalan Veterinar Khusus | *Specialized Veterinary Services*

Perkhidmatan veterinar khusus berusaha untuk menyediakan perkhidmatan veterinar dari segi pemeriksaan, diagnosis dan rawatan untuk keadaan perubatan tertentu yang tidak tipikal dalam penjagaan rutin untuk kesihatan haiwan dan mempunyai kemudahan serta peralatan khusus yang diperlukan untuk kepakaran tersebut. Doktor haiwan dalam pertubuhan ini akan memiliki kepakaran dan memegang sijil pengkhususan atau ijazah daripada Universiti atau Institusi bertauliah, yang dikenal pasti oleh Majlis Akreditasi Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNAC).

Bidang pengkhususan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, oftalmologi, dermatologi, ortopedik, pembedahan, kardiologi, neurologi, perubatan tingkah laku, perubatan khusus spesies, pergigian, anestesiologi, penjagaan kecemasan dan kritikal, onkologi, pengimejan diagnostik, perubatan sukan, teriogenologi dan perubatan eksotik/hidupan liar.

Specialised veterinary services seek to provide veterinary services in terms of the examination, diagnosis, and treatment for specific medical conditions that are atypical of routine care for animal health and has facilities and specialised equipment required for that specialty. Veterinarians providing these services are required to possess the expertise and hold specialisation certificates or degrees from accredited Universities or Institutions, identified by the Brunei Darussalam National Accreditation Council (BDNAC).

The veterinary specialisation fields include, but are not limited to, ophthalmology, dermatology, orthopaedics, surgery, cardiology, neurology, behavioural medicine, species-specific medicine, dentistry, anaesthesiology, emergency and critical care, oncology, diagnostic imaging, sports medicine, theriogenology and exotic/wildlife medicine.

Amalan Haiwan Eksotik/Liar | *Exotic/Wildlife Animal Practice*

Amalan ini lebih memenuhi kepada keperluan perkhidmatan veterinar khusus yang mungkin terdiri daripada konsultasi dan rawatan, pembedahan, perkhidmatan diagnostik dan banyak lagi.

This practice caters more to the specialized veterinary services which may range from consultation and treatment, surgery, diagnostic services and more.

Amalan Penjagaan Kecemasan/Kritikal | *Emergency/Critical Care Practice*

Perkhidmatan kecemasan atau penjagaan kritikal veterinar menyediakan penjagaan veterinar kecemasan 24 jam sehari, 7 hari seminggu, termasuk cuti umum, untuk pengurusan dan penjagaan kes kecemasan, trauma dan kritikal yang memerlukan rawatan perubatan segera.
Veterinary emergency or critical care services provides emergency veterinary care 24 hours a day, 7 days a week, inclusive of public holidays, for the management and care of urgent, traumatic and critical cases which require immediate medical attention.

Perkhidmatan *House Visit* | *House Visit Services*

Perkhidmatan ini ditakrifkan sebagai perkhidmatan mengikut permintaan pelanggan, yang membenarkan kakitangan pertubuhan veterinar tertentu untuk melawat tempat penginapan atau premis persendirian pelanggan yang memiliki haiwan peliharaan tetapi tidak mempunyai kebolehan untuk membawa haiwan mereka ke pertubuhan veterinar. Perkhidmatan yang disediakan semasa lawatan ini adalah termasuk pemeriksaan, diagnosis dan penyediaan rawatan perubatan terhad haiwan dan BUKAN rawatan pembedahan, rawatan yang memerlukan anestesia, mahupun penyediaan ubat-ubatan terhad. Perkhidmatan ini bergantung pada ketersediaan semasa doktor haiwan dan pelanggan serta jadual klinik dan biasanya dilakukan pada waktu bekerja biasa.
House visit service is defined as a by demand service from specific veterinary establishment to the private accommodation or premises of owners who are physically unable to bring their animals to the veterinary establishment. The services provided during these visits include examination, diagnosis and the provision of limited medical treatment of animals and NOT surgical treatments, treatments requiring anaesthesia, nor the provision of restricted medicines. These services depend on the current availability of the veterinarian and client as well as clinic schedule and is typically done during common working hours.

Perkhidmatan Veterinar di Ladang | *Farm Veterinary Services*

Perkhidmatan Veterinar di Ladang ditakrifkan sebagai perkhidmatan veterinar terhadap haiwan ternakan seperti ayam, itik, lembu, kuda, rusa, dan kambing, untuk pemeriksaan, diagnosis dan rawatan penyakit dan profilaksis haiwan. Perkhidmatan ini disediakan sebagai perkhidmatan mengikut permintaan pelanggan, yang membenarkan kakitangan pertubuhan veterinar tertentu untuk melawat tempat penginapan atau premis ladang persendirian pelanggan, bergantung kepada ketersediaan kakitangan veterinar dan pelanggan. Perkhidmatan yang disediakan semasa lawatan ini termasuk pemeriksaan, diagnosis dan penyediaan rawatan perubatan atau pembedahan haiwan. Perkhidmatan ini mungkin dijalankan di luar waktu kerja biasa, bergantung pada situasi klinikal.
Farm Veterinary Services is defined as the provision of veterinary services for the examination, diagnosis and treatment of diseases and prophylaxis of large animals used for production such as poultry, fowl, cattle, horses, deer, and goats. These services are provided as a 'by demand' service from specific veterinary establishments to the private accommodation or premises of farm owners, depending on the availability of the veterinary staff and client. The services provided during these visits include the examination, diagnosis and the provision of medical or surgical treatment of animals. These services may be conducted outside of typical working hours, depending on the clinical situation.

3.1 KLINIK VETERINAR | *VETERINARY CLINIC*

Pusat veterinar yang menyediakan perkhidmatan veterinar untuk haiwan semasa waktu bekerja biasa dan mempunyai kemudahan yang sesuai untuk pemeriksaan, diagnosis, rawatan perubatan atau pembedahan, dan pengawalan penyakit haiwan termasuk seperti berikut:
A veterinary centre that provides veterinary services for animals during common working hours and has suitable facilities for the examination, diagnosis, medical or surgical treatment, and prophylaxis of animals including the following:

- Bilangan minimum doktor haiwan: Satu (1)
  Minimum number of vets: One (1)
- Konsultasi veterinar dan temujanji susulan
  Veterinary consultation and follow up appointments
- Pemeriksaan kesihatan haiwan am
  General animal health examinations
- Pentadbiran dan preskripsi ubat
  Administration and prescription of medications
- Profilaksis (seperti vaksinasi dan ubat anthelmintik)
  Prophylactic treatments (i.e. vaccinations, anthelminthic medication)
- Pengurusan luka menggunakan / tidak menggunakan ubat penenang
  Wound management with/without sedation
- Makmal dan diagnostik (iaitu kit ujian, mikroskop, ultrasonografi, hematologi dan mesin pensampelan darah biokimia)
  Laboratory and diagnostics (i.e. test kits, microscope, ultrasonography, hematology and biochemistry blood sampling machines)
- Prosedur pembedahan yang memerlukan penenang dan/atau anestetik am
  Routine surgical procedures that require sedation/general anaesthesia Anaesthetic machines and equipment
- Mesin dan peralatan anestetik
  Anaesthetic machines and equipment
- Diagnostik lanjut (iaitu x-ray)
  Further diagnostics (i.e. x-rays)
- Rawatan onkologi (iaitu kemoterapi, radioterapi)
  Oncology treatment (i.e. chemotherapy, radiotherapy)

3.2 HOSPITAL VETERINAR | *VETERINARY HOSPITAL*

Hospital veterinar ialah pertubuhan veterinar yang berfungsi untuk menyediakan perkhidmatan veterinar pada tahap yang lebih tinggi dari segi taraf penjagaan, peralatan serta kemudahan yang lengkap dan kakitangan yang mempunyai akreditasi dan kemahiran yang khusus. Hospital veterinar perlu bersedia menyediakan perkhidmatan yang sama seperti klinik veterinar, menyediakan penjagaan veterinar dua puluh empat (24) jam sehari, tujuh (7) hari seminggu, perkhidmatan veterinar khusus, serta kakitangan sokongan yang tetap untuk pentadbiran, sanitasi dan sokongan teknikal. Hospital boleh dibahagikan kepada beberapa jabatan seperti yang di bawah:

A veterinary hospital is a veterinary establishment that serves to provide higher and advanced level of veterinary services in terms of standards of care, specialty accreditations, and fully equipped equipment and facilities. These hospitals will provide the same services as veterinary clinics, provide veterinary care twenty-four (24) hours a day, seven (7) days a week, specialty veterinary services, as well as employ a permanent support staff for administration, sanitation and technical support. The hospital may be divided into several departments as below:

- Menyediakan perkhidmatan veterinar
  Specialty departments
- Konsultasi veterinar dan temujanji susulan
  Veterinary consultation and follow up appointments
- Pemeriksaan kesihatan haiwan am
  General animal health examinations
- Pentadbiran dan preskripsi ubat
  Administration and prescription of medications
- Profilaksis (seperti vaksinasi dan ubat anthelmintik)
  Prophylactic treatments (i.e. vaccinations, anthelminthic medication)
- Pengurusan luka menggunakan / tidak menggunakan ubat penenang
  Wound management with/without sedation
- Makmal dan diagnostik (iaitu kit ujian, mikroskop, ultrasonografi, hematologi dan mesin pensampelan darah biokimia)
  Laboratory and diagnostics (i.e. test kits, microscope, ultrasonography, hematology and biochemistry blood sampling machines)
- Prosedur pembedahan yang memerlukan penenang dan/atau anestetik am
  Routine surgical procedures that require sedation/general anaesthesia Anaesthetic machines and equipment
- Mesin dan peralatan anestetik
  Anaesthetic machines and equipment
- Rawatan onkologi (iaitu kemoterapi, radioterapi)
  Oncology treatment (i.e. chemotherapy, radiotherapy)
- Pengimejan diagnostik (iaitu x-ray)
  Diagnostic imaging(i.e. x-rays)
    - Ultrasonografi
      Ultrasonography
    - Radiologi
      Radiology
    - Imbasan tomografi berkomputer
      Computed tomography

    - Endoskopi
      Endoscopy
- Penjagaan kecemasan dan kritikal
  Intensive care unit
- Pentadbiran
  Administration

4. SYARAT AM UNTUK SEMUA PUSAT VETERINAR | *GENERAL REQUIREMENTS FOR ALL VETERINARY CENTRES*

4.1 Prinsip Panduan untuk Pusat Veterinar | *Guiding Principle for the Regulation of Veterinary Centres*

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bertanggungjawab untuk mengawal selia penubuhan, operasi dan penyelenggaraan pusat veterinar dan sebarang bentuk struktur lain untuk kurungan haiwan disimpan, diselenggara atau dirawat. Berikut adalah prinsip panduan di pusat veterinar:
It shall be the duty of authorised officers from the Department of Agriculture and Agrifood to regulate the establishment, operation and maintenance of veterinary centres, and any other form of structure for the confinement of animals where they are kept, maintained or treated. The following shall be the guiding principles in veterinary centres:

4.1.1 Penubuhan | *Establishment*

a. Semasa mendaftarkan nama klinik ke ROCBN, pemilik hendaklah membuat surat bagi sokongan nama klinik untuk didaftarkan berserta dengan deraf rajah susun atur klinik veterinar. Susun atur klinik veterinar hendaklah disediakan dengan dimensi yang jelas dan lengkap bagi membolehkan penilaian sokongan dibuat.
The layout of the veterinary clinic must be provided with clear and complete dimensions to the Veterinary Regulatory and Enforcement Unit to ensure the premise operate in good conditions for staff, animals and the environment.

b. Pemilik, Pengurus dan Doktor Veterinar di pusat veterinar hendaklah mematuhi peraturan dalam *Chapter 5: Responsibilities Arising from the Vet Practice, Code of Veterinary Practice* sebagai rujukan dalam membina struktur dan sistem operasi klinik veterinar yang baik;
Owners, managers and veterinarians at veterinary centres must comply with the regulations in Chapter 5: Responsibilities Arising from the Vet Practice, Code of Veterinary Practice as a reference in building a proper veterinary clinic structure and operating system;

c. Sebagai Negara Islam, untuk menerapkan Maqasid Al-Shari'ah, keselamatan orang ramai dan haiwan peliharaan, lokasi pusat veterinar hendaklah berada di tingkat bawah iaitu dengan tidak menggunakan tangga yang dikongsi dengan orang ramai dan tidak berdekatan atau bersebelahan dengan premis makanan yang boleh menyebabkan pencemaran silang;
As an Islamic country, to instil values of Maqasid Al-Shari'ah and to protect the safety of the public and pet animals, the veterinary centre should be located on the ground floor and not accessible through using stairs within a building that is shared with members of the public and not adjacent or nearby door to food and beverage premises which may cause cross-contamination and transmission of diseases;

4.1.2 Operasi dan penyelenggaraan | *Operation and Maintenance*

a. Pusat veterinar hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih. Najis seperti air kencing, tahi, muntah dan darah, hendaklah dibersihkan serta merta selepas terjadinya pencemaran. Jika terdapat syak wasangka penyakit berjangkit tinggi di tempat tertentu seperti virus, tempat tersebut mesti menjalani beberapa tahap pembasmian kuman mengikut protokol pusat veterinar sebelum boleh digunakan semula. Meja konsultasi hendaklah dibersihkan selepas

dan sebelum setiap haiwan. Tempat menunggu, bilik kakitangan, dan tandas mesti dibersihkan di penghujung hari.

Veterinary centres should always be kept clean. Excrements (faeces and urine) from animals must be cleaned immediately or as soon as possible after contamination. If there is suspicion of highly infectious disease e.g. viral, the room must undergo several levels of disinfection according to the premise protocols before it can be used again. Otherwise, common areas e.g. waiting rooms, toilets, staff room, consult rooms must be cleaned and disinfected at the end of the day.

b. Sentiasa memastikan premis pusat veterinar dalam keadaan bersih termasuk pengendalian dan pelupusan bahan berbahaya seperti jarum picagari, ubat-ubatan, pisau atau peralatan tajam seperti di *Chapter 5: Responsibilities Arising from the Vet Practice, Code of Veterinary Practice*;

Veterinary centres must always handle and dispose of dangerous materials, such as syringe needles, medicines, knives, or other sharp equipment and disposables, in a safe and sanitary manner into designated disposal areas or containers, as per Chapter 5: Responsibilities Arising from the Vet Practice, Code of Veterinary Practice;

c. Amalan veterinar hendaklah dianggap sebagai amalan umum untuk spesis seperti anjing, kucing, arnab, burung, reptilia dan atau haiwan peliharaan lain;

Veterinary clinics shall be presumed to be of general practice for species such as dogs, cats, rabbits, birds, reptiles and or other companion animals;

d. Rawatan dan diagnosis haiwan menggunakan peralatan seperti x-ray atau kemudahan lain mesti mendapat kebenaran daripada Kementerian Kesihatan, Autoriti Kebangsaan bagi Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) atau mana-mana agensi Kerajaan yang bertanggungjawab terlebih dahulu (sebelum digunakan untuk haiwan). Peralatan yang digunakan hendaklah mengikut saranan daripada pengilang bagi sebarang penyelenggaraan dan kalibrasi;

The use of specialised and advanced equipment such as x-rays or other facilities for the diagnosis of diseases and treatment of animals must first obtain permission from the Ministry of Health, the National Authority for Safety, Health and Environment (SHENA) and other required governmental agencies, prior to its use on animals. The equipment should follow the national and manufactures' recommendations for maintenance and calibration of the equipment or facility;

e. Pusat veterinar hendaklah mempunyai program dan manual kawalan kebersihan dan jangkitan yang komprehensif yang mengandungi polisi dan prosedur untuk kawasan klinikal dan bukan klinikal termasuk pengurusan dobi dan linen serta manual kawalan aktiviti pembersihan, pembasmian kuman dan pensterilan;

The veterinary centre shall have a comprehensive hygiene and infection control programme and manuals containing policies and procedures for clinical and non-clinical areas for laundry and linen management as well as a control manual for cleaning, disinfection and sterilisation activities;

f. Semua peralatan hendaklah mematuhi saranan pengilang untuk penyelenggaraan dan penentukuran. Jika peralatan tersebut tidak dapat memenuhi keperluan ini, ia tidak boleh digunakan kerana boleh memberikan hasil yang salah;

The equipment should follow the manufacturer's recomendation for the maintenance and calibration. If the equipment cannot fulfill this requirement, they cannot be used, because can give false result;

g. Pusat veterinar mempunyai polisi untuk mencegah atau mengurangkan jangkitan berkaitan penjagaan kesihatan dengan melaksanakan amalan kebersihan tangan, menyediakan PPE (sarung tangan, pelindung mata, sungkup muka, apron, gaun, pelapis kasut, penutup rambut), penyediaan pembasmian kuman yang betul dan sistem kawalan yang sesuai termasuk pemanasan, pengudaraan dan penyaman udara, sebagaimana yang berkenaan untuk mencegah jangkitan disediakan.
The veterinary centre shall have a policy to prevent or reduce healthcare associated infections by implementing hand hygiene practices, provision of Personal Protective Equipment proper preparation and usage of disinfectants and appropriate control systems including heating, ventilation and air-conditioning, as required to prevent transmission of diseases and contaminants.

4.2 Kriteria Umum Premis dan Amalan | *General Criteria of Premise and Practice*

Reka bentuk premis adalah penting, dan beberapa faktor hendaklah dipertimbangkan untuk mewujudkan persekitaran yang sesuai. Salah satu pertimbangan utama dalam mereka bentuk amalan veterinar adalah untuk mencipta susun atur berfungsi yang menyokong aliran aktiviti dengan membahagikan ruang kepada zon tertentu yang mudah diakses dan dihubungkan secara logik, yang membolehkan peralihan yang lancar di antara mereka. Perancangan ruang yang efisyen boleh meningkatkan produktiviti dan mengurangkan tekanan untuk kakitangan dan haiwan.
The design of the veterinary centre is crucial, and several factors must be considered to create a suitable environment to facilitate proper veterinary care for an individual animal. One of the primary considerations in designing a veterinary practice is to create a functional layout that supports the flow of activities by dividing the space into specific zones that are easily accessible and logically connected, allowing for smooth transitions between them. Efficient space planning can improve productivity and minimize stress for both staff and animals.

4.2.1 Infrastruktur Am | *General Infrastructure*

a. Hendaklah struktur kekal, dibina untuk mempunyai sekurang-kurangnya satu pintu masuk awam;
The veterinary centre must be a permanent structure, constructed to have at least one main door for public entrance and exit;

b. Setiap premis hendaklah memastikan keselamatan semua orang dan haiwan daripada kecederaan dan bahaya (contoh bahaya tersebut adalah tetapi tidak terhad kepada kebakaran, kecurian, haiwan melarikan diri, gigitan haiwan);
The veterinary centre must ensure the safety of all persons and animals from injury and hazards (some examples of such hazards are but not limited to fire, theft, escape of animals, and animal bites).

c. Dinding dalaman dan permukaan lantai, rak dan meja mestilah licin supaya mudah dibersihkan dan dinyahkuman;

The internal walls and floor surfaces, shelves and tables must be smooth and non-porous that they can be easily cleaned and disinfected;

d. Pengudaraan juga diperlukan untuk bilik seperti bilik konsultasi, bilik penyimpanan ubat, bilik pembedahan dll;
Ventilation is required for rooms such as consultation room(s), drug storage room, surgery room(s), toilets, etc;

e. Jika bilik pembedahan di klinik tidak (mempunyai pengudaraan) atau berhawa dingin, ia hendaklah disaring menggunakan bahan berjaring halus untuk mengelakkan kemasukan serangga. Ia hendaklah berasingan daripada bilik lain yang digunakan untuk tujuan lain;
If the surgery room/s in the clinic is/are not ventilated or fitted with air-conditioners, it shall be screened using fine meshed material to prevent entry of insects and shall be separate from the other rooms used for other purposes;

f. Pencahayaan yang mencukupi untuk memastikan prosedur selesai dan sebaik-baiknya mempunyai bekalan kuasa elektrik ganti untuk membolehkan aktiviti utama dilakukan sekiranya berlaku bekalan elektrik terputus;
Sufficient lighting is required to ensure clear visibility for the completion of procedures and tasks as well as preferably possess alternate power/electric solutions to ensure key activities can be performed in the case of a power outage;

g. Ruang yang mencukupi untuk penyediaan makanan, mencuci dan membersihkan peralatan penyusuan yang berasingan dari bilik penyediaan ubat dan dipisahkan dengan dinding penyekat;
Adequate space for the storage and preparation of animal foods as well as the washing and cleaning of feeding equipment for animals that is separated from medicine preparation room by a wall partition;

h. Langkah-langkah perlindungan hendaklah diadakan untuk mengelakkan haiwan yang dibawa masuk ke dalam premis veterinar dari melarikan diri dan pengurungan haiwan mestilah sentiasa dipastikan berkesan. Contoh langkah perlindungan adalah seperti peranti menutup sendiri pada pintu premis pusat veterinar;
Safeguard measures must be present to prevent the accidental escape of animals brought into the veterinary premises, and the effectiveness of confinement of animals must be ensured. Safeguards include but are not limited to self-closing devices on doors of veterinary center premises.

i. Tempat kediaman kakitangan haruslah tidak mempunyai sebarang akses berterusan kepada premis veterinar sama ada di tingkat atau unit yang sama;
Staff housing should not have any direct access to the veterinary premise either within the same floor or unit;

j. Hendaklah menyediakan tandas yang sesuai untuk kebajikan kakitangan dan pelanggan;
The veterinary premise must provide a proper restroom for staff and client welfare;

k. Waktu konsultasi hendaklah dinyatakan dengan jelas menggunakan papan tanda yang bersesuaian dan diletakkan di kawasan pintu masuk utama premis veterinar.

The consultation hours must be visibly specified and displayed on suitable signages and located at the main entrance of the veterinary premise.

4.2.2 Ruang Petak | *Space Compartments*

a. Premis hendaklah satu kawasan yang tertutup sepenuhnya khusus digunakan secara eksklusif sebagai premis veterinar;
The premises must be a fully enclosed area that is exclusively used for veterinary purposes.

b. Premis hendaklah mempunyai kawasan berasingan yang berfungsi, dilengkapi untuk setiap tujuan yang dimaksudkan dengan ruang lantai yang mencukupi untuk mengelakkan pencemaran penyakit. Sebagai contoh, premis yang menerima haiwan berpenyakit yang berjangkit tinggi hendaklah menyediakan bilik pengasingan yang bersesuaian;
The premises shall comprise of compartments, separated functional areas, equipped for each intended purpose with adequate floor space to avoid cross-contamination of disease. For example, there should be a suitable isolation room for highly transmissible disease infected animals;

c. Tidak mempunyai akses ke kawasan bersebelahan yang tidak berkaitan dengan klinik;
There must be no direct access to any adjoining area that is not related to the clinic;

d. Jika premis veterinar terletak dalam lingkungan bangunan pelbagai guna, premis veterinar mesti dipisahkan dengan dinding ditutupi daripada perniagaan atau penyewa lain.
If the veterinary premises are located within the confines of a multi-use building, the veterinary premises must be separated by walls enclosed from other business or tenants.

4.2.3 Kebersihan | *Sanitation*

a. Kawasan persekitaran hendaklah berada dalam keadaan yang baik, bersih, mempunyai pengudaraan yang mencukupi dan sesuai dari segi suhu, kelembapan dan kualiti udara, kawasan yang terang, serta bebas daripada serangga dan kutu bagi mengelakkan sumber dan potensi penularan jangkitan;
The surrounding areas should be in a good, clean condition with adequate and appropriate ventilation in terms of temperature, humidity and air quality, within a well-lit area, that is free of insects and vermin to avoid sources and potential transmission of diseases;

b. Menjaga kebersihan dan pelupusan sisa, najis, bangkai, alatan dan ubat veterinar yang bersesuaian dengan sewajarnya seperti menggunakan tong sampah khusus dan kaedah tertentu;
There must be appropriate proper sanitary procedures and disposal of wastes, excreta, cadavers, tools and veterinary medicines appropriately, such as using specific waste bins and methods;

c. Sistem pelupusan yang sesuai disediakan untuk benda tajam, sisa dan bahan biologi (termasuk bangkai oleh kontraktor yang berlesen atau diluluskan sebaliknya).
Appropriate disposal systems in place for sharps, wastes and biological matter (including carcasses by licensed contractors or approved otherwise).

d. Instrumen dan peralatan yang digunakan untuk tujuan rawatan atau diagnosis mestilah dalam keadaan steril mengikut piawaian dan prosedur yang sesuai.
Instruments, tools, and equipment used for treatment or diagnostic purposes must be cleaned, disinfected, and or sterilized, following appropriate standard and procedures.

4.2.4 Keselamatan | *Safety*

a. Menyediakan protokol dalaman untuk kesihatan dan keselamatan kakitangan termasuk peti pertolongan cemas dan panduan keselamatan kebakaran;
In-house protocols must be in place for health and safety reasons to protect against hazards such as physical, chemical, biological, ergonomic, psychosocial, and other related hazards. Examples include first aid kits and fire safety precautions;

b. Menyediakan protokol atau prosedur bagi kejadian wabak penyakit terutamanya penyakit yang bersifat zoonotik;
Establish protocols or procedures for disease outbreaks, particularly with zoonotic nature;

c. Kakitangan yang bekerja di klinik disarankan untuk mendapatkan vaksinasi yang bersesuaian terutamanya bagi yang mengendalikan haiwan.
Clinic staff are advised to obtain appropriate vaccinations, particularly those who handle animals.

4.2.5 Paparan Awam | *Public Displays*

a. Nama syarikat hendaklah mengandungi penggunaan kata yang menjurus kepada perkhidmatan veterinar sepertimana dalam Bab 5.3 Kod Amalan Veterinar. Contoh adalah seperti berikut:
The company name must include words indicating veterinary services, as specified in Section 5.3 of the Code of Veterinary Practice. Examples are as follows:
   i. Klinik Veterinar (*Veterinary Clinic*)
   ii. Klinik Haiwan (*Animal Clinic*)
   iii. Hospital Veterinar (*Veterinary Hospital*)
   iv. Hospital Haiwan (*Animal Hospital*)
   v. Pusat Veterinar/Haiwan (*Veterinary/Animal Centre*)
   vi. Pusat Veterinar Medical/Haiwan (*Veterinary/Animal Medical Centre*)
   vii. Surgeri Veterinar/Haiwan (*Veterinary/Animal surgery*)

b. Perletakan papan tanda di lokasi premis veterinar dan saiznya hendaklah mematuhi garis panduan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai papan tanda. Papan tanda dan plat yang disediakan di atas atau di dalam premis hendaklah memenuhi keperluan seperti yang diperuntukkan dalam *Code of Veterinary Practice* dan keperluan di bawah Jabatan jika sesuai;
Placement of signboards at the location of the veterinary premise and the size should adhere to the guidelines under Ministry of Home Affairs on signages. Signages and plates on or within the premise

must meet the requirements as provided in the Code of Veterinary Practice and requirements under the Department where appropriate;

c. Sebarang jualan makanan tambahan dan produk veterinar lain hendaklah dipamerkan hanya di dalam premis, di kawasan ruang awam seperti penerimaan tetamu atau ruang menunggu dengan label dan harga yang jelas;
Any sales of other veterinary supplements and products are to be displayed inside the premise, within a public space area such as reception or waiting area with clear labelling and pricing;

d. Paparan di pintu masuk utama menunjukkan waktu operasi, hari dan nombor telefon dan nombor telefon selepas waktu operasi bagi kemudahan kecemasan
A prominent display at the main entrance showing the opening hours, days, contact number dan contact number after operating hours for emergency purpose.

4.3 Reka Bentuk Kawasan Pelanggan | *Design of Client Areas*

Kawasan pelanggan dalam konteks ini merujuk kepada kawasan yang boleh diakses oleh pelanggan / pemilik dan pesakit (haiwan). Premis veteriner hendaklah mempunyai rekaan asas seperti di bawah:
Client areas in this context refers to the areas accessible to clients / pet owners and patient (animals). The veterinary premise should have the basic designation such as below:

Table 1 Facilities

BIL *NO.*	KEMUDAHAN *FACILITIES*	*VH*	*VC*
	Reka Bentuk Standard *Standard Design*		
1.	Pintu Masuk Utama *Main entrance*	✓	✓
2.	Ruang penyambut tetamu dan menunggu *Reception and waiting area*	✓	✓
3.	Kawasan penyimpanan dokumentasi dan rekod *Documentation and records storage area*	✓	✓
4.	Kawasan Konsultasi dan bilik pemeriksaan *Consultation area (s) and examination room*	✓	✓
5.	Bilik pembedahan *Surgery room*	✓	✓
6.	Farmasi / Dispensari atau Ubat / Racun / Tempat penyimpanan Vaksin *Pharmacy / Dispensary or Drugs / Poisons / Vaccines storage area*	✓	✓
7.	Kawasan pengasingan *Isolation area*	✓	✓
8.	Penumpangan haiwan sebelum dan selepas pembedahan *Boarding area before and after surgery*		
9.	a. Kawasan penyimpanan Sangkar anjing *Dog cages Area*	✓	✓
	b. Kawasan Sangkar kucing *Cat cages Area*	✓	✓
10.	Kawasan rehat kakitangan atau pejabat *Staff resting area or office*	✓	✓
11.	Kawasan Mencuci dan Membersih *Washing and cleaning areas*	✓	✓
12.	Kawasan pelupusan sisa dan biologiks, tempat penyimpanan dan pelupusan karkas *Waste and biologic waste disposal area, carcass storage and disposal area*	✓	✓
13.	Kawasan penyimpanan dan Utiliti *Storage and Utility areas*	✓	✓
14.	Tandas *Toilet*	✓	✓
15.	Kawasan ujian makmal dalaman *In-house laboratory testing area*	✓	O
16.	Bilik X-ray *X-ray room*	✓	O
17.	Kawasan pemulihan / pemulihan selepas pembedahan *Post-surgery recovery / recuperation area*	✓	O
18.	Bilik Penyediaan dan Rawatan Haiwan *Animal Preparation and Treatment Room*	✓	O
19.	Kawasan lawatan / Bilik sunyi *Visitation area / Quiet room*	✓	O

BIL *NO.*	KEMUDAHAN *FACILITIES*	*VH*	*VC*
20.	Kawasan senaman haiwan *Animal exercise area*	✓	*O*

VH : Veterinary Hospital
VC : Veterinary Clinic
✓ : *Compulsory*
O : Optional

4.3.1 Tempat penerimaan | *Reception*

a. Kawasan tempat penerimaan berfungsi sebagai titik hubungan pertama untuk pelanggan, direka untuk mewujudkan suasana yang mesra dan menarik, mempromosikan tanggapan pertama yang positif. Paparan brosur bermaklumat, bahan pendidikan dan karya seni yang berkaitan dengan haiwan kesayangan untuk melibatkan dan mendidik pemilik haiwan kesayangan sementara mereka menunggu. Kawasan ini adalah tempat penyambut tetamu menjawab pertanyaan am pelanggan, temu janji, mendapatkan preskripsi dan kutipan, memaklumkan doktor haiwan tentang ketibaan pesakit, mengemas kini dan memfailkan carta pesakit, menjawab panggilan telefon, mengendalikan e-mel masuk dan keluar dan beberapa faktor lain yang berkaitan yang boleh membenarkan pasukan klinikal untuk menggunakan masa mereka dengan efisyen serta melaksanakan tugas perkhidmatan veterinar dengan cekap dalam pengendalian kes dan pesakit.
The reception area serves as the first point of contact for clients, designed to create a warm and inviting atmosphere, promoting a positive first impression. Display of informative brochures, educational materials, and pet-related artwork may be used to engage and educate pet owners while they wait. This area is where the receptionist can answer client's general queries, schedule and receive appointments, retrieve prescriptions and collections, alert staff of a patient's arrival, update and file patient charts, answer phone calls, handle incoming and outgoing emails and messages, and some other related tasks which can allow the clinical team to maximise their time in practice and focus on their patients and cases.

b. Tempat penerimaan hendaklah mempunyai kriteria seperti di bawah:
Reception shall have criterias as below:

i. Diasingkan daripada kawasan amalan atau peperiksaan;
Separated from practice or examination areas;

ii. Bilik mesti pencahayaan baik, dengan pengudaraan yang baik dan berhawa dingin;
The room must be well lighted, with good ventilation and air conditioning;

iii. Dinding hendaklah licin untuk memudahkan pembersihan dan pembasmian kuman;
The walls must be smooth for easy cleaning and disinfection;

iv. Kemudahan yang sesuai untuk menyimpan sebarang rekod dan dokumentasi klinikal;
Proper facilities to keep any clinical records and documentation;

v. Bilik hendaklah mempunyai bilangan kerusi yang mencukupi, meja penyambut tetamu, dilengkapi kabinet atau yang sebanding dan peralatan yang bersesuaian;

The room shall have sufficient number of chairs, reception table, filing cabinet or its equivalent, one computer with printer, calculator and one functional phone;

vi. Pangkalan data atau perisian komputer yang ditetapkan dengan protokol yang mencukupi amat disyorkan di mana ia boleh diakses di semua kawasan kerja untuk kegunaan kakitangan premis dan doktor veterinar sahaja.
Designated computer databases or veterinary practice software with adequate protocols is strongly recommended and should be accessible in all work areas solely for the use of all veterinary staff.

4.3.2 Tempat Menunggu | *Waiting Area*

Persekitaran veterinar boleh memberi tekanan kepada pesakit (haiwan) dan pemilik haiwan peliharaan. Bilik menunggu adalah pendedahan pertama pesakit ke persekitaran veterinar, dan boleh menentukan tingkah laku mereka terhadap persekitaran selepas itu.
The veterinary environment can be stressful for patients and pet owners alike. The waiting room is the first exposure patients get to the veterinary environment and can dictate their response to the environment thereafter.

a. Kawasan awam yang boleh diakses untuk pelanggan dengan dilengkapi tempat duduk yang mencukupi;
Accessible public area for clients before admission equipped with adequate sitting area and facilities;

b. Bilik hendaklah terang dengan pengudaraan yang baik dan penghawa dingin;
The room must be well lighted, with good ventilation and air conditioning;

c. Dinding dan lantai hendaklah licin, rata, kalis air dan tidak licin apabila basah untuk memudahkan pembersihan dan pembasmian kuman;
The walls and floors must be smooth, flat, waterproof and non-slip for easy cleaning and disinfection;

d. Kemudahan tandas atau cuci tangan yang boleh diakses untuk pelanggan;
Accessible toilet or hand wash facility for clients;

e. Tempat menunggu anjing dan kucing yang berasingan;
Separate waiting room for dogs and cats;

f. Kawasan yang mencukupi untuk memudahkan pemunggahan haiwan.
Sufficient area to facilitate loading and unloading of animal(s).

4.3.3 Kawasan Pemeriksaan dan Konsultasi | *Examination and Consultation Area*

a. Bilik konsultasi dengan permukaan yang sesuai untuk pemeriksaan haiwan dan saiz meja yang sesuai dengan bahagian atas diperbuat daripada sama ada formika, aluminium, *stainless steel* atau porselin;
Consultation room with a suitable surface for examination of animals and a table of appropriate size with a top made of either formica, aluminum, stainless steel, or porcelain;

b. Peralatan resusitasi kecemasan, jika ada, hendaklah diletakkan di kawasan yang mudah diakses atau diletakkan di atas troli mudah alih yang mudah diakses.
Emergency resuscitation equipment, where available, should be placed in a readily accessible area or be placed on a mobile cart that is easily accessible.

c. Memadai untuk memuatkan dua (2) pelanggan, haiwan, doktor haiwan dan seorang jururawat veterinar untuk hadir di dalam bilik;
Sufficient to allow two (2) clients, the animal, veterinarian and a veterinary nurse to be present in the room;

d. Mesin penimbang untuk haiwan;
Weighing machine (s) for animals;

e. Bilik rawatan yang berasingan adalah disarankan;
A separate treatment room is recommended;

f. Bilik hendaklah mepunyai pencahayaan yang baik, dengan pengudaraan atau penghawa dingin yang baik;
The room shall be well lit, with good ventilation or air-conditioning;

g. Dinding dan lantai hendaklah licin, rata, kalis air dan tidak licin apabila basah untuk memudahkan pembersihan dan pembasmian kuman;
The walls and floors shall be smooth, flat, waterproof and non-slip for easy cleaning and disinfection;

h. Bilik hendaklah dipasang sinki dengan air yang mengalir di setiap bilik pemeriksaan dan bilik konsultasi (bersalut porselin atau keluli tahan karat atau lain-lain) dengan paip untuk bekalan air dan saliran;
The room shall have a properly installed sink with running water in each examination and consultation room (porcelain coated or stainless steel or others) with a permanent piping for water supply and drainage;

i. Menyediakan pembuangan khusus bagi sisa yang merbahaya.
Specific hazard waste bins should be provided.

4.3.4 Kawasan Kedai | *Retail Area*

a. Ruangan atau kawasan khusus disarankan untuk penjualan produk veterinar yang tidak terkawal seperti peralatan mandian haiwan kesayangan atau makanan dengan label dan tanda harga yang jelas.
A dedicated space or area is recommended for the sales of non-controlled veterinary products such as pet toiletries, pet accessories or pet food with clear labelling and pricing tags.

4.4 Reka Bentuk Kawasan Klinikal | *Design of Clinical Areas*

Kawasan klinikal merujuk kepada kawasan yang tidak boleh diakses oleh pelanggan yang dikawal oleh doktor veterinar dan kakitangan di mana pemeriksaan, rawatan, pembedahan dan pengasingan dijalankan.

Clinical areas refer to non-accessible areas for clients controlled by the veterinary doctor and staff where further examination, treatment, surgery and isolation are carried out.

4.4.1 Farmasi dan Bilik Penyimpanan Ubat | *Pharmacy and Drug Storage Room*

a. Bilik atau kemudahan yang berkunci serta berasingan dan selamat untuk penyimpanan ubat-ubatan dan produk veterinar yang boleh diakses oleh doktor veterinar yang bertanggungjawab dengan mematuhi keperluan di bawah Lesen Racun yang ditadbir oleh Jabatan Farmasi, Kementerian Kesihatan;
   A lock separate and secure room or facility for the storage of drugs and other veterinary products accessible to the veterinary doctor in charge compliant with the requirements under Poison License administered by the Department of Pharmacy, Ministry of Health;

b. Dinding dan lantai hendaklah licin, rata, kalis air dan tidak licin apabila basah untuk memudahkan pembersihan dan pembasmian kuman;
   The walls and floors must be smooth, flat, waterproof and non-slip for easy cleaning and disinfection;

c. Pencahayaan mestilah terang dan mencukupi (*minimum* 300 lux) untuk membolehkan membaca label dan menyediakan ubat-ubatan.
   Lighting must be bright and sufficient (minimum 300 lux) for reading labels and preparing medications.

d. Ubat Veterinar terkawal seperti ubat antibiotic, vaksin atau anestetik hendaklah disimpan di dalam bilik yang khusus, selamat, dengan suhu dan kelembapan yang terkawal mengikut cadangan spesifikasi pengilang, berventilasi dan boleh diakses oleh doktor veterinar sahaja. Saranan am boleh diikut iaitu ubat hendaklah disimpan di dalam suhu 15-30°C, kecuali ubat yang perlu disimpan dalam peti sejuk (seperti vaksin) dengan suhu 2-8°C dan -10°C ke bawah, dengan tahap kelembapan tidak melebihi 60%;
   Controlled Veterinary Medicines (VMPs) such as antibiotic, vaccine or anaesthesia drugs must be in kept in a specific, secured, controlled temperature and humidity following manufacturer's recommendations, a ventilated room and accessible only to veterinary doctors. General storage recommendations for medicines should be kept between 15-30°C, except drugs that need to be kept refrigerated (for example vaccine) at 2-8°C and –10°C or lower, with a humidity level of less than 60%;

e. Peti sejuk yang boleh dikunci di kawasan selamat seperti bilik pemeriksaan atau pembedahan dan bebas daripada sebarang makanan, minuman atau sampel berbahaya. Thermometer hendaklah disimpan di dalam peti sejuk bagi memantau suhu peti sejuk dan hendaklah sentiasa dikemaskini log pemantauan suhu;
   Lockable fridge in a secure area such as examination or surgery room and free from any food, drinks or noxious samples. A thermometer should be kept in the refrigerator to monitor the temperature and temperature monitoring logs must be updated;

f. Label dan rekod yang teratur bagi ubat-ubatan veterinar yang terhad dan terkawal hendaklah mematuhi *Code of Veterinary Practice* dan Akta Racun, 2011. Rekod log hendaklah termasuk isi padu masuk dan keluar bagi setiap ubat terkawal, baki isipadu dalam vial terutamanya bagi ubat euthanasia dan ubat-ubatan veterinar anestetik, dan rekod jumlah keluar dan masuk botol/paket/pembungkusan ubat terkawal yang disimpan.
Proper labelling and records of restricted and controlled drugs should be present in compliance with Code of Veterinary Practice and Poison Act, 2011. Log records shall include the volume of in and out of each controlled medicine, the remaining volume in vials especially for euthanasia and anaesthetic veterinary medicines and the records of in and out of bottles/packets/ other packaging of controlled medicine being stored.

g. Mempunyai pengudaraan yang mencukupi dengan penghawa dingin untuk mengekalkan suhu dan kelembapan yang betul.
Has an adequate airflow with air-conditioning or ventilation to maintain proper temperature and humidity.

h. Hendaklah kalis perosak; mempunyai program kawalan perosak
Must be pest-proof; have a pest control program in place.

i. FEFO Principle – Yang terdahulu mansuh dikeluarkan terlebih dahulu
FEFO Principle – Follow First – Expiry-First-Out system for stock rotation.

j. Hendaklah menyediakan kit tumpahan dan kakitangan hendaklah dilatih mengendali tumpahan kimia atau biologi.
Spill kit-must be available and staff trained in handling chemical or biological spills.

k. Tidak dibenarkan makanan dan air minuman di farmasi atau bilik stor.
No food and drinks - Prohibited in pharmacy or storage area.

l. Label termasuklah:
Label - Must include:

   i. Nama ubat veterinar / *Name of drug*
   ii. Konsentrasi / *Strength and concentration*
   iii. Dos / *Dosage instructions*
   iv. Nama Haiwan / *Animal or patient name*
   v. Nama Klinik atau hospital / *Clinic or hospital name*
   vi. Veterinar bertugas / *veterinarian in charge*

m. Pembungkusan semula ke dalam bekas yang bersih, belabel dengan nama ubat, *batch number* dan tarikh mansuh.
Repacking into clean, labeled containers with medicine name, batch number and expiry date.

n. Kabinet ubat, peti sejuk dan farmasi (sama ada di dalam bilik konsultasi atau sebaliknya), kabinet ubat yang boleh dikunci untuk ubat *psychotropic* dan berbahaya, diisi dengan ubat-ubatan yang sesuai, dan bekalan untuk amalan perubatan veterinar yang termasuk pakai buang untuk suntikan, terapi cecair dan rawatan luka;
Veterinary drugs cabinets, refrigerator and pharmacy (either in consult room or otherwise), lockable drug cabinet for psychotropic and dangerous drugs, appropriately stocked with medicines, and supplies

for the practice of veterinary medicine which include disposables for injections, fluid therapy and wound treatment;

o. Sebarang jenis racun hendaklah disimpan di tempat yang kering dan mempunyai pengudaraan yang baik, jauh daripada cahaya matahari, Kawasan perumahan, aliran air (sungai dan sebagainya) atau sumber makanan termasuk makanan haiwan dan bahan mudah terbakar.
Any poison should be stored in a dry and well-ventilated place away from the sun, residential areas, waterways (rivers, etc.) or food sources including animal feed and flammable materials.

p. Penjana siap sedia disarankan atau menyediakan penstabil voltan yang disambungkan kepada *cold chain equipment* dan bekalan elektrik untuk mengelakkan putus bekalan tenaga ke peti sejuk yang disebabkan oleh *fluctuations* dalam bekalan kuasa
A standby generator is recommended or to provide voltage stabilizer connected to the cold chain equipment and the electricity supply point to avoid cold chain breaks in refrigerators caused by fluctuations in power supply.

q. Ubat-ubat yang telah mansuh hendaklah:
Veterinary medicine which are expired must :

i. Di asingkan daripada ubat lain.
Separted from other medicine

ii. Label "**MANSUH - BUKAN UNTUK DIGUNAKAN**"
*Labeled "**EXPIRED – NOT FOR USE**"*

iii. Kemaskini rekod
Log updated

iv. Dibuang oleh Approved pharmaceutical waste company
Disposed by Approved Pharmaceutical Waste Company

Table 2 Keperluan Farmasi dan / atau tempat penyimpanan ubat-ubat bagi Hospital Veterinar dan Klinik Veterinar

Pharmacy and/or medication storage requirements for veterinary hospitals and veterinary clinics.

Bil *No*	Kriteria *Criteria*	VH	VC
1.	Alkohol 70% *Alcohol 70%*	✓	✓
2.	Antiseptik *Antiseptic*	✓	✓
3.	Disinfektan *Disinfectant*	✓	✓
4.	Antibiotik *Antibiotic*	✓	✓
5.	Antipiretik *Antipyretic*	✓	✓
6.	Analgesik *Analgesic*	✓	✓
7.	Antihistamin *Antihistamine*	✓	✓
8.	Antiparasit (endoparasit dan ektoparasit) Antiparasite (*endoparasite and ectoparasite*)	✓	✓
9.	Anestetik khusus *Local anesthetic*	✓	✓
10.	Anestetik umum *General anesthetic*	✓	✓
11.	Sedatif *Sedative*	✓	✓
12.	Cecair infusi (NaCl fisiologi, Ringer laktat, Glukosa, Magnesium klorida, Kalsium klorida) *Infusion fluid (physiological NaCl, Ringer's lactate, Glucose, magnesium chloride, calcium chloride*)	✓	✓
13.	Vitamin, mineral dan suplemen Vitamin, mineral dan supplement	✓	✓
14.	Vaksin Vaccine	✓	✓
15.	Adrenalin / Epinefrin *Adrenalin / epinephrine*	✓	✓
16.	Anti-radang *Anti Inflammatory*	✓	✓
17.	Anti-kulat *Anti-Fungal*	✓	✓
18.	Antidot *Antidote*	✓	✓
19.	Antitoksin *Antitoxin*	✓	✓
	VH - Veterinary Hospital *VC – Veterinary Clinic* ✓ *- Compulsory* *O – Optional*		

4.4.2 Bilik Kuarantin | *Quarantine Room*

a. Kemudahan kuarantin yang ditempatkan di dalam premis veterinar hendaklah berasingan daripada kawasan yang ditetapkan untuk penjagaan dan rawatan haiwan yang dimasukkan ke premis seperti dari bilik pemeriksaan dan pembedahan;
Boarding facilities that are incorporated in the veterinary premises must be separated from areas designated for the care and treatment of hospitalized animals such as from the examination and surgery rooms;

b. Kandang atau sangkar hendaklah satu untuk setiap haiwan, dengan saiz yang mencukupi mengikut jenis haiwan, dibina daripada bahan kalis air seperti keluli tahan karat, besi dikimpal, *fiber glass*, simen atau bahan lain dengan halangan di antara haiwan yang mudah dibersihkan dan dibasmi kuman;
Kennels or cages should be one for each animal, of sufficient size for the type of animal housed, constructed of impervious material such as stainless steel, welded iron, fiber glass, cement or combination or other acceptable materials with opaque barriers in between animals which are easily cleaned and disinfected;

c. Kandang atau sangkar hendaklah terjamin, dalam keadaan bersih dan dikeringkan dengan secukupnya untuk memastikan keselesaan dan kebersihan pesakit haiwan;
The kennels or cages must be secured, in sanitary condition and be adequately drained to ensure the comfort and hygiene of animal patients;

d. Saliran lantai disarankan dalam kawasan ini bertujuan untuk kebersihan;
Floor drainage is recommended in this area for sanitary purpose;

e. Kawasan wad hendaklah terletak di kawasan pencahayaan dan sumber air yang mencukupi, suhu terkawal untuk pemanasan dan penyejukan serta pengudaraan yang baik.
The warding area must be in an area with adequate lighting, water, controlled temperature for heating and cooling and good ventilation.

f. Saiz kawasan hendaklah mencukupi untuk bilangan dan spesies haiwan, sekurang-kurangnya empat (4) sangkar dengan saiz yang berbeza yang boleh menampung haiwan peliharaan kecil dan besar di mana ianya tidak sempit dan sesak untuk haiwan dan kakitangan;
The size area must be adequate for the number and species of animals, at least four (4) cages of different sizes which can accommodate small and large pets accommodating where it should not be cramped and suffocating for both animals and staffs;

g. Penyediaan dan penyimpanan makanan untuk haiwan hendaklah diasingkan daripada kemudahan makanan kakitangan;
Preparation and storage of food for the animals must be separated from staff food facilities;

h. Tempat penyimpanan makanan dan air minuman hendaklah diperbuat daripada bahan tahan lama.
The food and water bowls shall be made of durable materials.

4.4.3 Kawasan Persediaan dan Rawatan Pesakit (Pilihan) | *Patient Preparation and Treatment Area (Optional)*

a. Kawasan berasingan yang sesuai dan lengkap untuk penyediaan sebelum pembedahan atau bagi rawatan haiwan yang dimasukkan ke hospital;
A separate area suitably equipped for pre-surgical preparation or treatment of hospitalized animal patients;

b. Jentera pensterilan yang mencukupi pada instrumen dan alatan yang digunakan untuk tujuan rawatan;
Adequate sterilizing machineries on instruments and tools used for treatment purposes;

c. Kawasan rawatan yang berasingan yang ditetapkan untuk prosedur rutin, seperti vaksinasi, penjagaan pergigian dan kerja makmal. Ruang ini hendaklah dilengkapi dengan peralatan yang diperlukan, peralatan diagnostik dan stesen rawatan. Penyimpanan bekalan perubatan veterinar yang mencukupi juga harus dipraktikkan untuk mengekalkan kebolehcapaian.
Designated separate treatment areas for routine procedures, such as vaccinations, dental care, and laboratory work. These spaces should be well-equipped with the necessary tools, diagnostic equipment, and treatment stations. Adequate storage for medical supplies and medications should also be incorporated to maintain organization and accessibility.

4.4.4 Kawasan Pembedahan | *Surgery Area*

a. Dilengkapi secukupnya dengan sekurang-kurangnya satu (1) meja pembedahan yang diperbuat daripada bahan kalis air dengan bahagian atas diperbuat daripada keluli tahan karat, aluminium, formika atau porselin yang boleh dibersihkan dan dinyahkuman dengan mudah dan hendaklah ada satu baldi logam;
Sufficiently equipped with at least one (1) surgical table made of impervious material with top made of stainless steel, aluminum, formica or porcelain that can readily be cleaned and disinfected and there shall be one metal pail;

b. Pencahayaan dan instrumen pembedahan yang sesuai, bekalan pembedahan, kemudahan autoklaf dan alat resusitasi (laringoskop, tiub endotrakeal dengan sukatan yang mencukupi untuk haiwan kecil dan dewasa bagi beg ambu, bekalan oksigen) dan mesin anestesia gas yang mematuhi keperluan asas dan mempunyai kelulusan dari Kementerian Kesihatan atau *Safety, Health and Environment National Authority* (SHENA) jika ada;
Appropriate lighting and surgical instruments, surgical supplies, autoclave facility and resuscitation apparatus (laryngoscope, endotracheal tubes of sufficient range for animals expected ambu-bags for pediatric and adult animals, oxygen supply) and gaseous anaesthesia machine following basic requirements with approval from the Ministry of Health or the Safety, Health and Environment National Authority (SHENA) where present;

c. Dikehendaki memasang unit penghawa dingin. Sekiranya tidak ada unit penghawa dingin, *exhaust fan* hendaklah disediakan dan tingkap disaring;
Required to install an air conditioniung unit. In absence of an air conditioning unit, an exhaust fan shall be provided and windows screened;

d. Teater bedah hendaklah satu kawasan khusus dengan sekurang-kurangnya satu pintu yang boleh ditutup;
Operating theatre must be a dedicated area with at least one fitted closable door;

e. Sediakan sinki skrub dilengkapi dengan air mengalir berhampiran tetapi tidak berada di dalam teater bedah;
Provide scrub sink complete with taps that provide running water near but not in the operating theatre;

f. Kawasan pembedahan mestilah bersih dan tidak mengandungi sebarang benda atau bahan yang boleh menyebabkan pencemaran.
Surgery area must be clean and not contain any items or materials that may cause contamination.

4.4.5 Kawasan Pemulihan | *Recovery Area*

a. Kawasan pemulihan anestetik berdekatan dengan kawasan pembedahan utama dan dilengkapi dengan peralatan kecemasan yang mudah dinyahkuman;
Anaesthetic recovery area near the main surgery area and accessible to emergency equipment which are easily disinfected;

b. Kawasan pemulihan anestetik bersebelahan dengan bilik pembedahan utama dengan sama ada berlapik atau dilindungi dengan bahan yang sesuai yang boleh dinyahkuman dengan mudah.
Anaesthetic recovery area adjacent to the main operating theatre with either padded or protected with a suitable material that can be easily disinfected.

4.4.6 Kawasan Pengasingan (Kawasan Kawalan Penyakit) | *Isolation Area (Disease Control Area)*

a. Ruang bagi penyimpanan pesakit perlu mematuhi keperluan am dan tersedia dengan kawasan pengasingan khusus bagi haiwan yang disyaki menghidap penyakit berjangkit, diberikan ruang fizikal dan udara yang berbeza dari kawasan lain di dalam premis veterinar untuk mengelakkan penyebaran penyakit ke kawasan lain.
Patient accommodation must be compliant with general requirements and available with an isolation area for animals that are suffering from suspected infectious diseases, whilst providing a physical area and air space that are different from all other areas of the veterinary premise to prevent the spread of disease to those other areas.

b. Prosedur pembedahan tercemar dan nekropsi perlu dijalankan di bawah keadaan kawalan penyakit yang ketat di kawasan khusus;
Contaminated surgical procedures and necropsies must be performed under strict disease control conditions in a dedicated area;

c. Haiwan yang terjangkit hendaklah diasingkan dari haiwan yang sihat di dalam bilik tertutup untuk mengelakkan pencemaran silang penyakit.
Healthy and infected animals should be separated into different enclosed rooms to avoid cross-contamination of diseases.

d. Akses kepada air bersih dan mengalir dalam bilik yang sama;
Access to clean and running water within the same room;

e. Saliran lantai disarankan untuk sangkar dan kawasan pengasingan;
Floor drainage is recommended for cages and isolation areas;

f. Sistem kawalan yang sesuai termasuk pemanasan, pengudaraan dan penyaman udara, sebagaimana yang berkenaan untuk mencegah jangkitan disediakan.
Appropriate control systems including heating, ventilation and air-conditioning, as applicable to prevent infection are provided.

4.4.7 Radiologi | *Radiology*

Di mana perkhidmatan X-ray ditawarkan, perniagaan haruslah menguruskan pendaftaran lesen, pelantikan kakitangan, penetapan dan penciptaan kawasan terkawal, serta perolehan, penyelenggaraan dan pelupusan peralatan radiografi dan bahan radioaktif mengikut Bab 228; Perlindungan Radiasi.
Where X-ray services are offered, a business must manage the license registration, appointment of staff, designation and creation of controlled areas, and the procurement, maintenance and disposal of radiography equipment and radioactive substances in accordance with Chapter 228; Radiation Protection.

a. Kawasan atau bilik terkawal haruslah ditetapkan dan direka bentuk untuk kegunaan tunggal radiografi bagi tujuan veterinar dengan konformasi struktur yang sesuai untuk mengurangkan risiko radiasi.
A controlled area or room must be designated and designed for the sole use of radiography for veterinary purposes with appropriate structural conformations to reduce the risk of radiation.

b. Pemilik perniagaan mesti menunjukkan bukti *Radiation License*, Chapter 228 Radiation Protection, *Safety, Health and Environment National Authority* (SHENA).
Business owners must show evidence of a current Radiation License, Chapter 228, Radiation Protection, the Safety, Health and Environment National Authority (SHENA).

c. Pemilik perniagaan mesti melantik kakitangan yang sesuai sebagai Pegawai Perlindungan Radiasi (RPO) dan Pekerja Radiaso Am (GRW) untuk tujuan *Radiation License*, (SHENA)
Business owners must appoint suitable staff members as a Radiation Protection Officer (RPO) and a General Radiation Worker (GRW) for the purposes of the Radiation License, (SHENA).

d. Peralatan dan kemudahan X-ray yang mampu menghasilkan radiograf diagnostik yang sepadan dengan kepelbagaian dan saiz haiwan haruslah disediakan. Peralatan dan

kemudahan tersebut mesti disertakan dengan salinan kelulusan daripada agensi berkaitan seperti Kementerian Kesihatan dan SHENA;
Radiography equipment and facilities capable of producing diagnostic radiographs corresponding to the range and size of animals must be accompanied by a copy of approval from relevant agencies such as SHENA and the Ministry of Health.

e. Filem atau imej dengan jelas mengenal pasti bahagian kiri dan kanan haiwan, memasukkan butiran masa dan tarikh pendedahan, nama doktor veterinar atau pengendali x-ray yang kompeten, pelanggan, haiwan dan tempat latihan;
Film or images must be clearly demarcated with the left or right marker, corresponding to the intended view of the animal, and incorporate the time and date of exposure, name of veterinary surgeon or a competent x-ray practitioner, client, animal and the place of practice;

f. Rekod X-ray mesti disimpan dengan selamat selama sekurang-kurangnya 3 tahun sebagai sebahagian daripada rekod klinikal haiwan.
X-ray records must be safely stored for at least 3 years as part of the animal's clinical record.

4.4.8 Makmal | *Laboratory*

a. Mempunyai keupayaan untuk memeriksa sampel darah, air kencing dan najis serta menggunakan kit ujian di mana kemudahan tersebut hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai satu (1) mikroskop;
Ability to examine blood, urine and fecal samples and use test kits where the facility should at least have one (1) microscope;

b. Kemudahan yang lengkap dan bersih untuk pemeriksaan darah, serum, swab bakteria, air kencing, dan spesimen najis;
Proper and clean facilities for the examination of blood, serum, bacterial swabs, urine, and faecal specimens;

c. Hendaklah dijalankan oleh orang yang mempunyai kelayakan dan kompeten dalam hemotologi, biokimia, bakteriologi, parasitologi dan patologi;
Should be carried out by person with the qualifications and competency in haemotology, biochemistry, bacteriology, parasitology and pathology;

d. Protokol dan standard prosedur yang betul mesti disediakan untuk kawalan kualiti dan penyelenggaraan secara berkala;
Proper protocol and standard of procedures must be in place for quality control and maintenance on a regular basis;

e. Kawasan ruang dan bangku yang mencukupi;
Adequate space area and bench;

f. Sinki dan sumber air yang bersih dan mengalir bagi memudahkan pembersihan dan nyahkuman kawasan tercemar;
Sink and clean, flowing water source to allow ease of cleaning and disinfection of contaminated areas;

g. Bilik makmal hendaklah mampu melakukan pemeriksaan berikut:
Laboratory room shall be capable of doing the following examinations:

i. Hematologi dan kimia darah
Hematology and blood chemistry

ii. Urinalisis
Urinalysis

iii. Analisis Najis
Fecal Analysis

iv. Kit ujian diagnostik
Diagnostik test kits

v. Hendaklah menyediakan kakitangan untuk menangani kes kecemasan di luar waktu biasa hospital.
Shall provide personnel to attend to emergency cases outside of the regular hospital hours.

5. KEPERLUAN MINIMUM KHUSUS KLINIK VETERINAR DAN HOSPITAL VETERINAR | *SPECIFIC MINIMUM REQUIREMENTS OF VETERINARY CLINICS AND VETERINARY HOSPITALS*

5.1 Klinik Veterinar | *Veterinary Clinic*

a. Setiap premis hendaklah memastikan keselamatan semua orang dan haiwan daripada kecederaan dan bahaya (beberapa contoh bahaya tersebut adalah, tetapi tidak terhad kepada: kebakaran, kecurian, haiwan yang lari, gigitan haiwan);
Every veterinary premise must ensure the safety of all persons and animals from injury and hazards (some examples of such hazards are but not limited to fire, theft, escape of animals, injuries ca);

b. Secukupnya mesin penimbang untuk haiwan yang dikalibrasi;
Adequate and calibrated weighing machine(s) for animals;

c. Bilik konsultasi dengan permukaan yang sesuai untuk pemeriksaan haiwan termasuk kemudahan untuk resusitasi kecemasan (seperti oksigen dan sistem penghantaran). Permukaan hendaklah diperbuat daripada bahan yang memudahkan pembersihan dan pembasmian kuman. Bilik rawatan yang berasingan adalah disyorkan;
Consultation room with a suitable surface for examination of animals including facilities for emergency resuscitation (such as oxygen and delivery system). The surfaces shall be made of materials that allow for easy cleaning and disinfection. A separate treatment room is recommended;

d. Kabinet stor, peti sejuk dan farmasi (sama ada di dalam bilik konsultasi atau sebaliknya), kabinet ubat yang boleh dikunci untuk ubat psikotropik dan berbahaya, diisi dengan ubat-ubatan yang sesuai, dan bekalan untuk amalan perubatan veterinar yang termasuk pakai buang untuk suntikan, terapi cecair dan rawatan luka;
Storage cabinets, refrigerator and pharmacy (either in consult room or otherwise), lockable drug cabinet for psychotropic and dangerous drugs, appropriately stocked with medicines, and supplies for the practice of veterinary medicine which include disposables for injections, fluid therapy and wound treatment;

e. Bilik pembedahan dilengkapi dengan meja pembedahan yang mencukupi, pengudaraan dan penyaman udara, pencahayaan dan instrumen pembedahan yang sesuai, bekalan pembedahan, kemudahan autoklaf dan alat resusitasi (laringoskop, tiub endotrakeal dengan kepelbagaian yang mencukupi untuk haiwan dijangka, beg ambu untuk haiwan kecil dan dewasa, bekalan oksigen) dan mesin anestesia gas di mana ada;
Surgical room sufficiently equipped with a surgical table, proper ventilation and air conditioning, appropriate lighting and surgical instruments, surgical supplies, autoclave facility and resuscitation apparatus (laryngoscope, endotracheal tubes of sufficient range for animals expected, ambu-bags for pediatric and adult patients, oxygen supply) and gas anaesthesia machine where present;

f. Semua haiwan hendaklah dipantau selepas anestesia dan tidak boleh dilepaskan melainkan pulih secukupnya, dalam keadaan sedar dan ambulatori sepenuhnya. Pemulihan secukupnya daripada anestesia bermaksud sehingga refleks menelan telah kembali bagi anjing dan kucing.

Selain itu, bagi baka *brachycephalic*, adalah sehingga *sternal recumbency* dapat dikekalkan tanpa bantuan;
All animals shall be monitored after anaesthesia and should not be discharged unless adequately recovered, in a fully conscious and ambulatory state. Adequate recovery from anesthesia shall mean until the swallowing reflex has returned, in the case of dogs and cats. In addition, brachycephalic breeds shall only be considered adequately recovered when sternal recumbency can be maintained without assistance.;

g. Keupayaan untuk memeriksa sampel darah, air kencing dan najis serta menggunakan kit ujian. Kemudahan mesti mempunyai mikroskop yang berfungsi dan berkalibrasi;
Ability to examine blood, urine and fecal samples and use test kits. The facility must have a functional and calibrated microscope

h. Peralatan tambahan jika berkenaan (sistem makmal dalaman, ortopedik, pembedahan mikro, mesin ultrasound, endoskopi, peralatan pergigian iaitu penskalaan, penggilap dan instrumen tangan);
Additional equipment where applicable (in-house laboratory systems, orthopaedic, microsurgery, ultrasound machine, endoscopy, dental equipment including scaling, polishing and hand instruments);

i. Sistem pelupusan yang sesuai disediakan untuk benda tajam, sisa dan bahan biologi, termasuk untuk bangkai dari kontraktor berlesen atau diluluskan sebaliknya;
Appropriate disposal systems in place for sharps, wastes and biological matter, including carcasses by licensed contractors or approved otherwise;

j. Peralatan pembersihan yang sesuai untuk premis dan bahan kitar semula.
Appropriate cleaning equipment for premises and recyclables.

k. Penggunaan mesin anestetik gas hendaklah disertakan dengan salinan kelulusan daripada Kementerian Kesihatan atau *Safety atau Health and Environment National Authority* (SHENA), dan dipasang dengan betul dengan sistem atau peranti penghapus untuk mengeluarkan gas anestetik, bahan buangan dan agen meruap, serta diselenggara dengan betul dan dibersihkan dengan kerap, dengan sambungan bekalan gas dipantau untuk kebocoran. Hendaklah menyimpan di tempat yang bersesuaian.
Gaseous anaesthetic machines must gain approval from the Ministry of Health or Health and Environment National Authority (SHENA) *for its usage within the veterinary premises, are properly fitted with a scavenging system or device to expel anaesthetic gases, waste products, and volatile agents, and are properly maintained and cleaned regularly, with gas supply connections monitored for leaks. Should be store in a suitable area.*

5.2 Hospital Veterinar | *Veterinary Hospital*

Keperluan am untuk Piawaian Klinik Veterinar (rujuk 5.1 Klinik Veterinar) hendaklah sudah di kuatkuasakan.

The general requirements for Veterinary Clinic Standards (refer 5.1 Veterinary Clinics) must already be in place.

a. Hendaklah mempunyai perkhidmatan kecemasan di luar waktu berkerja;
There must be an emergency service during off hours;

b. Hendaklah mempunyai unit rawatan rapi yang dikendalikan dengan betul oleh kakitangan yang kompeten dan berlesen;
There must be an intensive care unit properly run by certified and competent staff;

c. Menyediakan rangkaian peralatan pakar, seperti peralatan diagnostik khusus (ECG, radiografi dan ultrasound), pembedahan mikro, perkhidmatan endoskopik, ultrasonografi lanjutan dan ekografi serta elektrokardiografi disarankankan;
Providing a range of specialist equipment, such as specific diagnostic equipment (electrocardiography, radiography and ultrasonography), microsurgical, endoscopic services and advanced echocardiography is recommended;

d. Electroretinography, EEG dan BAER adalah pilihan;
Electroretinography, EEGs and BAERs are optional;

e. Peralatan pengimejan diagnostik lanjutan adalah pilihan dan kakitangan yang mengendalikan hendaklah diperakui untuk mengurus dan mengendalikan peralatan seperti radiografi (X-ray), MRI, CT dan fluroskopi mesti tersedia di mana perkhidmatan ditawarkan;
Advanced diagnostic imaging equipment are optional and certified personnel to manage and operate the equipment such as radiography (X-ray), MRI, CT and fluroscopy must be available where services are offered;

f. Hendaklah mempunyai kemudahan makmal dalaman yang diperlukan untuk penjagaan kritikal dan dikendalikan oleh kakitangan yang berlesen dan kompeten;
In-house laboratory facilities needed for critical care must be available and should be handled by certified and competent staff;

g. Sisa biologi dan bangkai hendaklah dibakar atau dilupuskan oleh kontraktor berlesen. Sekiranya pemilik ingin membakar mayat haiwan kesayangan yang telah meninggal dunai, pihak klinik atau hospital boleh mengesyorkan kontraktor untuk perkhidmatan ini jika mereka menawarkan;
The biological wastes and carcasses must be either incinerated or otherwise disposed of by licensed contractors. In the case where the owner/client would like to cremate their deceased pet, the veterinary premise may recommend contractors for this service where it is offered;

h. Prosedur operasi standard (SOP) perlu diadakan untuk pendaftaran, konsultasi, kemasukan, prosedur diagnostik, rawatan perubatan, pembedahan, pemulihan dan penjagaan selepas pembedahan, rawatan rapi, kecemasan dan pelepasan;

Standard operating procedures (SOPs) must be developed for registration, consultation, admission, diagnostic procedures, medical care, surgery, post-surgery recovery and care, intensive care, emergency and discharge;

i. Orang yang kompeten untuk menyediakan penjagaan intensif/kritikal untuk pesakit dan peralatan yang perkhidmatannya ditawarkan;
Competent persons to provide intensive/critical care for patients and equipment for which services are offered;

j. Pastikan kakitangan jururawat berada di premis sepanjang masa, dan doktor veterinar bersedia 24 jam sehari untuk merawat pesakit dalam, jika diperlukan;
Ensure nursing staff are present on the premises round the clock, and a veterinary surgeon available 24 hours a day to attend to in-patients, if required;

k. Mengekalkan dan meningkatkan standard klinikal dengan memantau prestasi dan hasil rawatan;
Maintain and improve clinical standards by monitoring performance and the outcome of treatments;

l. Mempraktikkan pemeriksaan rapi premis dan kemudahannya, dengan penekanan terhadap kebersihan dan steriliti.
Practice rigorous examination of its premises and facilities, with emphasis on cleanliness and sterility.

Table 3 Keperluan khusus | *Specific Requirements*

Bil *No*	Keperluan Khusus *Specific Requirements*	*VH*	*VC*
1	Mesin penimbang untuk haiwan *Weighing machine (s) for animals;*	√	√
2	Kabinet stor, peti sejuk dan bilik farmasi yang berkunci *Lockable storage cabinets, refrigerator and pharmacy*	√	√
3	Bilik pembedahan dilengkapi dengan meja pembedahan, bekalan pembedahan, kemudahan autoklaf dan alat resusitasi *The surgery room is equipped with an operating table, surgical supplies, autoclave facilities and resuscitation equipment*	√	√
4	Bilik konsultasi dengan kemudahan untuk resusitasi kecemasan *Consultation room with facilities for emergency resuscitation*	√	√
5	Kemudahan makmal sekurang-kurangnya mempunyai satu (1) mikroskop *Laboratory facilities have at least one (1) microscope*	√	*O*
6	Sistem pelupusan yang sesuai disediakan untuk benda tajam, sisa dan bahan biologi termasuk bangkai *Appropriate disposal systems are in readily place for sharps, waste and biological material including carcasses*	√	√
7	Perkhidmatan *boarding* atau kawasan pemulihan haiwan selepas rawatan atau pembedahan *Boarding services or patient recovery area post treatment or surgical procedures*	√	√
8	Perkhidmatan kecemasan semasa waktu rehat *Emergency services during breaks*	√	*X*
9	Perkhidmatan unit rawatan rapi *Intensive care unit services*	√	*X*
10	Peralatan diagnostik khusus seperti *ECG* dan *Ultrasound* *Specialized diagnostic equipment such as ECG and Ultrasound*	√	*X*
11	Peralatan pengimejan diagnostik lanjutan seperti MRI, CT dan fluroskopi *Advanced diagnostic imaging equipment such as MRI, CT and fluoroscopy*	√	*X*
12	Kakitangan yang kompeten untuk penjagaan intensif/kritikal pesakit *Competent staff for intensive/critical care of patients*	√	*X*
13	Kakitangan bersedia 24 jam sehari untuk merawat *The staff is available 24 hours a day to treat*	√	*X*

VH - Veterinary Hospital
VC – Veterinary Clinic
√ - Compulsory
X – Not required
O – Optional

5.3 Kakitangan | *Personnel*

Pengurusan hendaklah menyediakan persekitaran fizikal dan sosial yang selamat, bebas daripada gangguan atau kemalangan. Klinik dan Hospital Veterinar juga hendaklah mempunyai tenaga kerja yang sesuai, berkelayakan dan terlatih untuk menyediakan dan menyampaikan perkhidmatan veterinar yang baik.
Management should provide a safe physical and social environment, free from harassment or accidents. The veterinary clinic and hospital must have suitable, qualified and trained manpower to provide and deliver good veterinary services.

a. Doktor Veterinar | *Veterinary Surgeons*

Pakar doktor veterinar ialah profesion yang diiktiraf dengan badan pengawalselia yang menetapkan kod kelakuan dan piawaian untuk perubatan veterinar yang berdaftar. Pakar doktor veterinar yang ingin bekerja di Negara Brunei Darussalam hendaklah:
Veterinary surgeon is a recognized profession with regulating bodies that set codes of conduct and standards for veterinarian medicine registered. Veterinary surgeons who wish to work in Brunei Darussalam shall:

i. Memiliki kelayakan akademik yang diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan Brunei Darussalam;
Possess academic qualification accredited by Brunei Darussalam National Accreditation Council;

ii. Berdaftar di bawah Majlis Veterinar Brunei Darussalam;
Registered under Brunei Darussalam Veterinary Council;

iii. Mempunyai Sijil Amalan Tahunan (APC) yang sah di setiap tempat amalan seperti yang dinyatakan dalam Perintah Doktor Veterinar Seksyen 24, 2005;
Has valid Annual Practicing Certificate (APC) in each place of practice as stated in Section 24 Veterinary Surgeon Order, 2005;

iv. Mematuhi Perintah Doktor Veterinar, 2005 dan *Code Of Veterinary Practice*;
Abide to Veterinary Surgeons Order, 2005 and Code of Veterinary Practice;

Setiap doktor veterinar hendaklah mendaftar dan memohon APC di bawah Majlis Veterinar Brunei Darussalam, yang diurustadbir oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di alamat berikut:
Each veterinarian shall register and apply the APC under the Brunei Darussalam Veterinary Council, administered by the Department of Agriculture and Agrifood at the following address:

Sekretariat BDVC
Bahagian Industri Ternakan dan
Perkhidmatan Veterinar
Terunjing, Lebuhraya Rimba
E-mel: regulatori.ternakan@gmail.com

BDVC Secretariat
Division of Livestock Industry and
Veterinary Services
Terunjing, Rimba Highway
Email: regulatori.ternakan@gmail.com

b. Jururawat Veterinar/Juruteknik/Para-vet | *Veterinary Nurses / Technicians / Para-vets*

i. Kejururawatan veterinar ialah profesion penjagaan kesihatan yang diiktiraf untuk membantu doktor haiwan dalam menyediakan penjagaan perubatan kepada haiwan. Jururawat veterinar berperanan di bawah arahan doktor veterinar untuk memaksimumkan masa dan bertanggungjawab dalam pelbagai aspek penjagaan haiwan, termasuk pemantauan pesakit, pentadbiran ubat, dan membantu dengan prosedur serta terlibat dalam tugas pentadbiran yang berkaitan dengan perkhidmatan veterinar;
Veterinary nursing is a recognized healthcare profession to assist veterinarians in providing medical care to animals. They work under the direction of a veterinarian to maximize their time and are involved in various aspects of animal care, including patient monitoring, medication administration, and assisting with procedures as well as being involved in administrative duties relating to veterinary services;

ii. Salah satu contoh peranan penting jururawat veterinar adalah memantau anestesia pada pesakit yang menjalani ujian diagnostik dan pembedahan. Ini penting untuk memastikan mereka tidak terlebih dos dengan ubat-ubatan dan untuk memantau sistem badan mereka yang mampu mengatasi bius dan prosedur yang mungkin digunakan sebagai contoh, mengebiri, prosedur pergigian, dan lain-lain;
One example of an important role of a veterinary nurse is to monitor anesthesia in patients undergoing diagnostic testing and surgery. This is vital to ensure they do not get overdosed with drugs and to ensure their body systems are able to cope with the anesthesia and procedures that may be applied e.g. neutering, dentistry, etc;

iii. Satu lagi tugas penting jururawat veterinar melibatkan penyediaan awal instrumen yang diperlukan atau barang habis pakai serta membantu dalam sebarang perkara berkaitan yang diperlukan oleh doktor veterinar untuk melakukan prosedur pembedahan;
Another important duty of a veterinary nurse involves early preparation of necessary instruments or consumable items as well as assist in any related matter needed by the doctor to perform surgical procedures;

iv. Oleh itu, juruteknik dan para-vet mungkin mempunyai peranan yang sama seperti jururawat veterinar di mana mereka disyorkan untuk mempunyai kelayakan latar belakang veterinar atau berkaitan sains, menerima latihan daripada pakar doktor veterinar dari semasa ke semasa dan berkebolehan mengendalikan peralatan, instrumen dan dokumentasi yang berkaitan dengan perkhidmatan veterinar.
Technicians and Para-vets consequently may have similar roles as veterinary nurses where they are recommended to have qualification of veterinary or science-related background, receive trainings from veterinary surgeon from time to time and capable of handling equipment, instruments and documentations relating to veterinary services.

c. Kakitangan Penerimaan atau Sokongan atau Pembantu Veterinar | *Reception or Support Staff or Veterinary Aides*

i. Tujuan utama ialah sebagai orang pertama untuk menerima dan mengendalikan pertanyaan atau kes pelanggan kepada perkhidmatan masing-masing melalui orang, panggilan atau surat rasmi;
Main purpose as the first-hand person is to receive and handle clients' inquiries or cases to respective services via person, call or written letter;

ii. Tugas pentadbiran adalah seperti menyimpan data, mengendali pembayara, dan pemfailan dokumentasi;
Administrative duties such as data recording, receipt payments, and filing documentations;

iii. Membantu mengiklankan perkhidmatan yang ditawarkan;
Assist in advertising the services offered;

iv. Pentadbir hospital disarankan bagi Hospital Veterinar sahaja.
A hospital administrator is recommended for Veterinary Hospital only.

Table 4 Kakitangan | Personnel

Bil *No*	Keterangan *Description*	VH	VC
1	Jumlah kakitangan sekurang-kurangnya tiga (3) orang termasuk satu (1) doktor veterinar *The total staff is at least three (3) people including one (1) veterinary doctor*	***No. 2***	*√*
2	Jumlah kakitangan sekurang-kurangnya lima-belas (15) orang termasuk satu (3) doktor veterinar *Jumlah staff of at least fifteen (15) people including one (3) veterinary surgeon / doctor*	*√*	*O*
3	Pengurus Veterinar *Veterinary Manager*	*√*	*√*
4	*Pentadbir Hospital* *Hospital Administrator*	*√*	*O*

VH - Veterinary Hospital
VC – Veterinary Clinic
√ - Compulsory
O – Optional

6. KEPERLUAN LAIN – BERKENAAN UNTUK SEMUA KATEGORI AMALAN VETERINAR YANG BERSESUAIAN | *OTHER REQUIREMENTS – APPLICABLE TO ALL VETERINARY PRACTICE CATEGORIES WHERE APPROPRIATE*

6.1 Klinik Bergerak | *Mobile Clinic*

Amalan perubatan veterinar atau penyediaan perkhidmatan veterinar di mana kenderaan bermotor digunakan sebagai penubuhan utama, oleh itu istilah, 'klinik bergerak', tidak dibenarkan di Negara Brunei Darussalam.
The practice of veterinary medicine or the provision of veterinary services in which a motor vehicle is used as the primary establishment, hence the term, 'mobile clinic', is not permitted in Brunei Darussalam.

6.2 Panggilan Rumah | *House Call*

6.2.1 Keperluan am | *General requirement*

Amalan perubatan veterinar atau penyediaan perkhidmatan veterinar daripada pertubuhan veterinar yang diluluskan ke rumah pelanggan dan pesakit, di mana perkhidmatan diberikan secara berjadual, adalah dibenarkan di Negara Brunei Darussalam. Perkhidmatan ini:
The practice of veterinary medicine or the provision of veterinary services from an approved veterinary establishment to clients' and patient's house, in which services are rendered on a scheduled basis, is permitted in Brunei Darussalam. These services:

a. Hendaklah mengikuti keperluan seperti yang diterangkan dalam *Code of Veterinary Practice* atau versi terkininya;
Shall follow the requirements as described in Code of Veterinary Practice or its updated version;

b. Kenderaan yang digunakan untuk panggilan ke rumah dari premis yang diluluskan hendaklah diselenggara dalam keadaan bersih dan berfungsi secukupnya;
Require a vehicle, either owned by the establishment or privately owned by an employed staff of the establishment, to be used for house calls from an approved premise shall be maintained in a clean and working condition;

c. Hendaklah memerlukan peralatan yang diperlukan untuk sekatan, pembendungan, dan pengangkutan haiwan untuk membolehkan profesional veterinar melakukan pemeriksaan kesihatan haiwan dengan secukupnya dan menyediakan rawatan yang diperlukan, selaras dengan piawaian profesion. Sangkar dan pengendalian untuk mengangkut haiwan ke pusat veterinar hendaklah mengandungi peralatan yang diperlukan oleh doktor veterinar untuk menjalankan pemeriksaan dan rawatan kecemasan selaras dengan piawaian profesion;
Shall require the necessary equipment required for the restraint, containment, and or transportation of animals to allow veterinary professionals to adequately perform animal health examinations and provide the required treatment, consistent with the standards of the

profession. The cage and handling for transporting animals to the veterinary centre shall contain those items of equipment that are necessary for the veterinary surgeon to perform examinations and emergency treatment consistent with the standards of the profession;

d. Memerlukan peralatan yang diperlukan untuk pengumpulan, penyimpanan dan pengangkutan sampel, termasuk tetapi tidak terhad kepada kotak penyejuk, bekas steril tiub sampel darah;
Require the necessary equipment for sample collection, storage, and eventual transport including but not limited to cool boxes, sterile containers, and blood sampling tubes;

e. Memerlukan peralatan untuk pelupusan atau pengumpulan semua sisa, termasuk tetapi tidak terhad kepada benda tajam seperti jarum picagari, bahan biologi, sisa perubatan dan bangkai.
Require the necessary equipment for the disposal or collection of all wastes, including but not limited to sharps, biological material, medical waste, and carcases.

6.2.2 Tanggungjawab | *Responsibilities*

Doktor veterinar hendaklah berusaha untuk:
The veterinary surgeon undertakes to:

a. Menjaga maruah profesion dalam perkhidmatan panggilan ke rumah yang diberikan sebagai perkhidmatan tambahan dan bukan sebagai amalan rutin;
Maintain the dignity of the profession in that house call services are rendered as a supplementary service and not part of routine practice;

b. Memastikan apabila ubat dan bahan biologik digunakan, ianya mematuhi peraturan yang berkuatkuasa bagi penggunaan, penjualan, preskripsi, dispen dan penyimpanan;
Ensure that when medicines and biologics are used, is in compliance with regulations in force for the use, sale, prescription, dispensing and storage;

c. Memastikan penggunaan peralatan untuk pelupusan atau pengumpulan semua sisa termasuk benda tajam, bahan biologik dan sisa perubatan serta bangkai lain, jika diperlukan;
Ensure the use of equipment for the disposal or collection of all waste including sharps, biologics and medical waste as well as other carcasses;

d. Pastikan apabila bersentuhan dengan penyakit berjangkit yang diketahui, langkah berjaga-jaga khas mesti diambil untuk mencegah penularan agen berjangkit.
Ensure when in contact with known infectious diseases, that special precautions must be taken to prevent transmission of disease.

6.3 Penggunaan Kenderaan Untuk Pengangkutan Haiwan Dari Dan Ke Pusat Veterinar | *Use of Vehicles for The Transport of Animals to and From Veterinary Centres*

Tujuan utama kenderaan adalah untuk mengangkut haiwan dalam keadaan stabil ke dan dari premis yang diluluskan untuk amalan perubatan veterinar. Perkara berikut berkenaan kepada kenderaan yang dimiliki oleh pusat veterinar dan piawaian profesional untuk diselenggara sepanjang masa;

The primary purpose of this vehicle is for the transport of animals, while maintaining stable clinical parameters of the animal during, to and from an approved veterinary establishment. The following applies to the vehicle owned by the veterinary centre and professional standards to be maintained at all times.

6.3.1 Keperluan Struktur Kenderaan | *Vehicle Structural Requirements*

Kenderaan hendaklah mematuhi keperluan struktur dan prosedur seperti berikut:

The vehicle shall comply with the following structural and procedural requirements:

a. Kenderaan tersebut hendaklah dimiliki oleh pertubuhan veterinar berlesen yanga diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Darat dan digunakan hanya untuk tujuan veterinar, sambil mengekalkan piawaian professional penjagaan veterinar;

The vehicle shall be owned solely by the veterinary establishment approved by the Land Transport Department and used only for veterinary purposes, while maintaining and *upkeeping the professional standards of veterinary care*;

b. Kenderaan hendaklah mengandungi peralatan yang diperlukan untuk mengekalkan kestabilan kesihatan haiwan semasa pengangkutan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, pengudaraan, terapi cecair, pemantauan pesakit dan ubat-ubatan kecemasan;

The vehicle shall contain the necessary equipment required to sustain the viability of the health of the animal during transportation, including but not limited to, ventilation, fluid administration, patient monitoring, and emergency medications.;

c. Kenderaan hendaklah mempunya peralatan khas yang diperlukan bagi sekatan dan pembendungan haiwan untuk mencegah mereka lari / lepas, dengan menjaga kebajikan dan keselesaan haiwan.

The vehicle shall also contain the necessary equipment required for the restraint and containment of the animal, while taking into consideration the animal's comfort level and welfare, to prevent the escape of the animal during transport.

d. Ia hendaklah dikekalkan dalam keadaan dan fungsi yang baik, mempunyai minyak yang mencukupi bagi perjalanan pergi dan balik ke tempat utama perkhidmatan veterinary dan premis veterinar;

The vehicle shall be maintained in an acceptable working condition and appearance with sufficient fuel available within the vehicle to make a return trip from the primary location to the veterinary establishment.

e. Bahagian dalaman kenderaan hendaklah dibina daripada bahan yang boleh dibersihkan dan dinyahkuman sekiranya berlaku pengangkutan haiwan yang berjangkit tinggi untuk mencegah jangkitan kepada manusia dan haiwan lain;
The interior of the vehicle shall be built from impervious materials that can easily be cleaned and disinfected between each use in the event of transport of known infectious diseases to prevent transmission of disease;

f. Tempat meletakkan haiwan hendaklah mempunyai bekalan air, pencahayaan dan pengudaraan yang mencukupi, keselesaan dan kebajikan haiwan dan direka bentuk untuk mengelakkan haiwan daripada melarikan diri.
The animal holding facility shall be equipped with adequate water supply and sufficient ventilation for the benefit of animal welfare and comfort and shall be built securely to prevent the escape of animals.

g. Kenderaan hendaklah direka bentuk untuk mempunya tiga pintu masuk dan keluar iaitu, di sebelah tempat duduk pemandu, di sebelah tempat duduk penumpang, dan di belakang kenderaan, yang dapat dikunci dan dibuka kuncinya dengan senang sekiranya berlaku kecemasan.
The vehicle should be constructed with three accessible entry and exit points; the driver seat, the passenger seat, and the back doorway, that can be locked and unlocked with ease by staff in the event of an emergency evacuation from the vehicle.

6.4 Penyimpanan Rekod | *Record Keeping*

Pusat veterinar hendaklah mengekalkan rekod bertulis atau dalam bentuk elektronik bagi setiap pesakit haiwan. Semua rekod pesakit hendaklah tepat dan membolehkan pengambilan maklumat dengan segera.
A veterinary centre shall maintain records written or in electronic form for each animal patient. All patient records shall be accurate and permit prompt retrieval of information.

6.4.1 Rekod Pesakit | *Patient Records*

Rekod hendaklah, jika berkenaan, mengandungi maklumat berikut:
Records shall, where applicable, contain the following information:

a. Maklumat pelanggan;
Client's information;

b. Butiran pesakit, bentuk pengenalan lain, serta spesis, baka, jantina dan umur;
Patient details, other forms of identification, as well as the species, breed, gender and age;

c. Rekod rawatan dan penilaian pesakit;
Patient treatment and assessment records;

d. Butiran kemasukan;
Admission details;

e. Rekod vaksinasi;
Vaccination records;

f. Prosedur khas;
Special procedures;

g. Penemuan mengenai pemeriksaan klinikal, ujian dan pemeriksaan diagnostik lain;
Findings on clinical examination, tests and other diagnostic examinations;

h. Preskripsi, pendispensan dan rawatan;
Prescription, dispensing and treatments;

i. Protokol dan hasil anestetik/sedasi dan
Anaesthetic/sedation protocols and outcomes and

j. Arahan pelepasan, termasuk kematian, bedah siasat dan sebarang rekod tentang sebarang kaedah pelupusan atau pemeliharaan.
Discharge instructions, including death, autopsy and any records of any methods of disposal or preservation.

6.4.2 Borang Persetujuan | *Consent Forms*

a. Sebagai keperluan mandatori dan perjanjian bertulis kepada terma dan syarat dengan pelanggan. Persetujuan bertulis (borang persetujuan) diperolehi daripada pelanggan/pemilik sebelum pembedahan atau mana-mana prosedur yang memerlukan anestetik;
As a requirement and written agreement to the terms and condition with the client. Written consent (consent form) is obtained from the client/owner before surgery or any procedure requiring anesthetics;

b. Merupakan satu cara untuk memaklumkan pemilik tentang sebarang potensi risiko yang dihadapi dan kos yang terlibat sebelum meneruskan prosedure atau pembedahan;
A way to inform the owner of any potential risks faced and the costs involved before proceeding to the procedure or surgery;

c. Borang persetujuan adalah untuk melindungi kedua-dua klinik dan pesakit;
Consent forms shall safeguard both the clinic and patient;

d. Borang persetujuan adalah penting untuk:
Consent forms are essential for:
   i. Pembedahan dan Anestesia;
   Surgery and Anesthesia;
   ii. Euthanasia;
   Euthanasia ;
   iii. Penginapan haiwan.
   Boarding.

6.4.3 Rekod Anestesia | *Anesthesia Records*

a. Setiap anestesik yang digunakan hendaklah direkodkan dan disahkan oleh doktor veterinar yang bertanggungjawab.
Each anesthesic being used shall be recorded and verified by the veterinary surgeon in charge.

6.4.4 Edaran Pelanggan | *Client Handout*

a. Tidak diwajibkan tetapi boleh dipilih sebagai alat bermaklumat untuk membimbing dan mengukuhkan arahan lisan seperti edaran selepas pembedahan;
Optional as an informative tool to guide and reinforce verbal instructions such as post-surgery handouts;
b. Mempromosikan kebajikan haiwan dan perkhidmatan klinik;
Promote animal welfare and services of the clinic;
c. Kandungan edaran pelanggan boleh termasuk:
Contents of client handouts can include:

i. Amaran tentang risiko penyakit berjangkit;
Warn of the risk from infectious diseases;
ii. Penyakit kulit/parasite;
Skin diseases/parasites;
iii. Rawatan kutu topikal murah dan kebahayaannya;
Cheap topical flea treatments and their dangers;
iv. Menggalakkan pengembirian;
Promote neutering;
v. Permakanan yang sihat;
Healthy diet;
vi. Penjagaan gigi;
Dental care;
vii. Penjagaan selepas operasi.
Post-op care.

6.5 Pengurusan | *Management*

6.5.1 Pengurusan premis hendaklah memastikan penyimpanan rekod yang baik bagi kemasukan, persetujuan pesakit, rekod discaj pesakit dan semua rekod perkhidmatan termasuk penggunaan atau penyelenggaraan peralatan;
The management of the premise shall ensure good record keeping of admission, patient consents, discharge records of patients and all services records including equiptment usage or maintenance;

6.5.2 Pastikan premis dan peralatan di dalamnya sentiasa bersih, disanitasi, bebas dari kutu, steril atau aseptik, di mana prosedur diperlukan;
Ensure that the premise and equpment within it are kept clean, sanitized, vermin free, sterile or aseptic, where procedures are required;

6.5.3 Memastikan haiwan di bawah jagaan ditempatkan, diberi makan dan minum dengan secukupnya, diberi senaman di mana bersesuaian, menjaga kebajikan haiwan semasa berada di dalam premis, dan penjagaan yang terbaik diutamakan di mana pembedahan, rawatan dan pemulihan dijalankan;
Ensure the animals under their care are housed, given food and water adequately, given exercise where appropriate, the welfare of animals is prioritized whilst in the premise, and where surgery, treatment and recuperation are indicated, that utmost care is prioritized;

6.5.4 Memastikan amalan pembuangan sisa yang betul termasuk pelupusan sisa biologik dan bangkai, sisa klinikal dalam tong yang tertentu dan memastikan semua bilik bebas daripada serangga dan kutu;
Ensure the practice of proper disposal of waste including the disposal of biological wastes and carcasses, clinical waste in specific bins and ensure all rooms are free of insects and vermin;

6.5.5 Kemudahan hendaklah mempunyai bilangan kakitangan kompeten yang mencukupi untuk mengendalikan kemudahan bagi tujuan yang dimaksudkan;
The facility shall have sufficient number of competent personnel to operate the facility for its intended purpose;

6.5.6 Doktor veterinar hendaklah memastikan amalan veterinar tersebut hendaklah mengikut keperluan seperti yang dinyatakan dalam *Code of Veterinary Practice*;
The veterinary surgeon(s) shall ensure that the veterinary practices shall follow the requirements as stated in the Code of Veterinary Practice;

6.5.7 Melaksanakan penyimpanan produk perubatan veterinar yang betul dengan mematuhi keperluan di bawah Lesen Racun daripada Kementerian Kesihatan, dengan doktor veterinar sebagai pemegang utama, dan meneliti penggunaan terkawal serta pembelian ubat-ubatan melalui *Brunei Darussalam National Single Window* (BDNSW);
Implement proper storage of veterinary medicinal products (VMPs) that adheres to the requirements under Poison License from Ministry of Health with the veterinary surgeon as the

main holder and purview for the controlled usage as well as procurement of medicines via Brunei Darussalam National Single Window (BDNSW);

6.5.8 Semua keperluan undang-undang yang berkaitan dengan amalan perubatan veterinar, penjualan, penyimpanan, penggunaan, preskripsi dan pendispensan ubat, kod tanah atau bangunan, alam sekitar dan keselamatan kebakaran seperti yang diluluskan oleh pelbagai pihak berkuasa, kebajikan haiwan, penyebaran penyakit haiwan, pelupusan bangkai, sisa klinikal dan sampah serta memastikan lesen, permit dan rekod di atas sentiasa dikemaskini seperti yang diperlukan oleh sesuatu amalan;
All legal requirements related to the practice of veterinary medicine, sale, storage, use, prescription and dispensing medicines, land or building codes, environment and fire safety as approved by the various authorities, animal welfare, spread of animal disease, disposal of carcasses, clinical wastes and garbage and ensure that licences, permit and records of the above are kept up-to-date as required of a practice;

6.5.9 Hendaklah mempunyai prosedur yang didokumenkan untuk menerima, menyiasat dan menyelesaikan aduan daripada pelanggan, kakitangan atau pihak yang berkaitan.
Shall have a documented procedure for receiving, investigating and resolving complaints from clients, staff or other stakeholders

6.5.10 Pengurus klinik veterinar hendaklah memastikan semua bangkai haiwan dikendalikan, disimpan dan dilupuskan dengan cara yang mencegah pencemaran alam sekitar, pencemaran silang serta penyebaran agen jangkitan.
Veterinary clinics shall ensure that all animal carcasses are handled, stored, and disposed of in a manner that prevents environmental contamination, cross-contamination and the spread of infectious agents.

6.5.11 Pengurusan klinik veterinar perlu menyediakan protokol atau prosedur kesiapsiagaan kecemasan seperti gangguan bekalan elektrik, wabak penyakit atau bencana alam.
Veterinary clinic management needs to establish emergency preparedness protocols or procedures for situations such as power outages, disease outbreaks, or natural disasters.

6.6 Kemudahan | *Amenities*

6.6.1 Pejabat | *Office*

a. Penyimpanan dokumentasi perniagaan, garis panduan, standard prosedur dan rekod perniagaan dengan betul;
Proper storage of business documentations, guidelines, standard of procedures and records;

b. Pilihan untuk menyediakan perpustakaan yang mengandungi bahan terkini sama ada sebagai buku teks, jurnal, elektronik atau akses komputer kepada kemudahan internet.
Optional to set up a library containing up-to-date material either as textbooks, journals, electronic or computer access to internet facilities.

6.6.2 Bilik Kakitangan | *Staff Room*

a. Kawasan kemudahan persendirian untuk kebajikan kakitangan.
Private facilities area for the welfare of staff.

6.6.3 Lain-Lain | *Others*

a. Asingkan kawasan pantri bagi makanan dan minuman untuk kakitangan;
Separate pantry area for food and drinks for staff;

b. Langkah berjaga-jaga bagi keselamatan kebakaran dan protokol dilengkapi dengan alat pemadam api dan pengesan asap;
Fire safety precautions and protocol in place equipped with fire extinguishers and smoke detectors;

c. Pengurusan dan pelupusan bangkai dan bahan-bahan buangan yang bersesuaian seperti berikut:
Appropriate management and disposal of cadavers and waste materials as follows:

i. Semua bangkai haiwan mesti dimasukkan ke dalam bekas yang bertutup dan kalis bocor atau dalam beg *biohazard* yang tahan lasak serta-merta selepas kematian bagi mengelakkan kebocoran cecair. Bangkai tersebut hendaklah dilabel dengan jelas dan diasingkan daripada sisa klinikal yang lain.
All carcasses must be placed immediately after death into leak-proof, sealed containers or heavy-duty biohazard bags to prevent the escape of fluids. Carcasses shall be clearly labelled and segregated from other clinical waste.

ii. Penyimpanan sementara, jika diperlukan, hendaklah dilakukan di kawasan khusus yang selamat dan terjamin dari segi biosekuriti—sebaik-baiknya yang mempunyai kemudahan penyejukan—serta mempunyai akses terhad. Kawasan penyimpanan

tersebut mestilah terletak jauh daripada zon rawatan, kawasan awam, dan sebarang punca pencemaran air.
Temporary storage, where required, shall be conducted in a designated, secure and preferably refrigerated, with restricted access. The storage area must be located away from treatment zones, public areas, and any sources of water contamination.

iii. Pelupusan akhir hanya boleh dilakukan melalui kaedah yang diluluskan, termasuk pembakaran (insinerasi) berlesen, kemudahan pemprosesan sisa haiwan (*rendering)*, atau penanaman dalam sekiranya dibenarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten. Bangkai haiwan tidak boleh sama sekali dilupuskan melalui aliran sisa umum atau sistem perparitan.
Final disposal shall be carried out only through approved methods, including licensed incineration, rendering facilities, or deep burial permitted by the competent authority. Under no circumstances shall carcasses be disposed of through general waste streams or drainage systems.

iv. Semua kakitangan yang mengendalikan bangkai haiwan mesti memakai peralatan perlindungan diri (PPE) yang sesuai, dan protokol kebersihan serta pembasmian kuman yang ketat hendaklah dilaksanakan bagi semua peralatan, permukaan, dan kenderaan yang terlibat.
All personnel handling carcasses must wear appropriate personal protective equipment (PPE), and strict hygiene and disinfection protocols shall be implemented for all equipment, surfaces, and vehicles involved.

v. Rekod pengendalian dan pelupusan bangkai hendaklah disimpan untuk tujuan pemeriksaan dan pematuhan peraturan.
Records of carcass handling and disposal shall be maintained for inspection and regulatory compliance.

vi. Tempoh penyimpanan maksimum bagi bangkai ialah dua puluh empat hingga tiga pulu enam jam (24–36 jam). Jika kemudahan penyejukan (dalam suhu 2–8°C) dan pembekuan (suhu -18°C atau lebih rendah) tersedia, bangkai boleh disimpan sehingga maksimum tujuh (7) hari, melainkan diluluskan sebaliknya oleh pihak berkuasa yang kompeten.
Maximum Storage Duration for Carcasses of twenty-four to thirty-six hours (24–36 hours) Where refrigeration (of temperature 2–8°C) is available and where freezing (temperature of -18°C or below) is available, carcasses may be stored for a maximum of seven (7) days, unless otherwise approved by the competent authority.

vii. Bangkai tidak boleh disimpan pada suhu persekitaran melebihi dua belas (12) jam. Sebarang tangguhan yang melebihi had tersebut memerlukan justifikasi dan kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan.
Carcasses shall not be stored at ambient temperatures for more than twelve (12) hours. Any delay beyond these limits shall require justification and approval from the relevant authority.

6.7 Insurans Indemniti Profesional | *Professional Indemnity Insurance*

Selaras dengan Seksyen 5.9 *Professional Indemnity Insurance, Code of Veterinary Practice* – Doktor veterinar sangat disarankan untuk mengambil insurans indeminiti profesional yang bersesuaian.
In line with Section 5.9 Professional Indemnity Insurance, Code of Veterinary Practice – veterinary surgeons are strongly advised to hold appropriate professional indemnity insurance.

7. PROSEDUR MENYEDIAKAN PUSAT VETERINAR | PROCEDURES TO SET UP A VETERINARY CENTRE

7.1 Untuk mengisi **BORANG PENDAFTARAN PUSAT VETERINAR** dan diserahkan kepada:
*To fill in the **VETERINARY CENTRE REGISTRATION FORM** and submit to:*

Pengarah Pertanian dan Agrimakanan,
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Jalan Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB3510
Brunei Darussalam

Director of Agriculture and Agrifood,
Department of Agriculture and Agrifood
Old Airport Road, Berakas, BB3510
Brunei Darussalam

7.2 Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dilampirkan bersama:
The completed form must be attached with:

a. Surat permohonan menyatakan tujuan termasuk jenis perkhidmatan yang diberikan contohnya panggilan ke rumah, haiwan ternakan, dandanan, asrama, dll;
A cover letter stating the purpose of the veterinary centre, including the type of services rendered e.g house call, farm animals, grooming, boarding, etc;

b. Pelan susun atur yang dilabel dan berskala;
The floor plan of the veterinary centre that is clearly labelled and scaled;

c. Salinan Kad Pengenalan Pemilik;
A copy of the Identification Card of the owner and manager of the veterinary centre;

d. Salinan Pendaftaran Perniagaan di bawah 16 & 17 (untuk syarikat telah ditubuhkan) dan;
A copy of the Business Registration under 16 & 17 (for established companies) and;

e. Sijil atau dokumentasi doktor veterinar.
Registration certificates and relevant documents of the veterinary surgeon(s) employed at the veterinary centre.

7.3 Susun atur atau pelan dikehendaki walaupun tidak menyeluruh dan dikenal pasti dengan jelas dalam susun atur atau pelan seperti berikut:
The layout or floor plan may include though not exhaustive and clearly identified in the layout or floor plan as follows:

a. Papan tanda dan plat yang boleh diletakkan atau disediakan oleh amalan di dalam atau di dalam premis;
Signages and plates which the practice may put up or be made available on or in the premise;

b. Resepsi;
Reception;

c. Kawasan dokumentasi dan rekod;
Documentation and records area;

d. Kawasan Konsultasi;
Consultation Area(s);

e. Farmasi atau Kawasan Pendispensan atau Stor Ubat;
Pharmacy or Medicine Dispensing Area or Drug Storage;

f. Kawasan *Holding* atau *Boarding*;
Animal Holding Area or Boarding Area;

g. Tandas;
Toilet(s);

h. Makmal dalaman
In-house laboratory area;

i. Kawasan Pembedahan dan Penyediaan
Surgery and preparation area;

j. Bilik X-Ray, bilik pengimejan atau peralatan lain, jika ada;
X-Ray Room, imaging or other specific equipment rooms, where present;

k. Kawasan pemulihan selepas pembedahan;
Post-surgery recovery areas;

l. Wad pengasingan;
Isolation ward(s);

m. Kawasan lawatan dan kaunseling jika ada;
Visiting and counseling areas if present;

n. Kawasan kakitangan atau pejabat;
Staff rest area and/or office;

o. Kawasan Mencuci
Washing and cleaning areas

p. Pelupusan sisa dan air termasuk pelupusan karkas atau sisa biologiks;
Waste and water disposal, including carcass or biological waste disposal;

q. Utiliti dan stor;
Utility and storage area;

r. Kawasan senaman haiwan jika ada;
Animal exercise area where present;

s. Kawasan atau bilik lain dengan tujuan atau kemudahan tertentu yang akan meningkatkan imej profesional premis dan untuk keselesaan pelanggan atau haiwan.
Other areas or rooms with specific purposes or facilities that will enhance the professional image of the premises and for client or animal comfort.

7.4 Salinan Pendaftaran Nama Perniagaan di bawah 16 & 17 **hanya diperlukan** apabila syarikat telah ditubuhkan atau premis melibatkan perkongsian sama ada sebagai syarikat atau perusahaan perniagaan, pemohon hendaklah menghadapkan dokumen berkaitan termasuk perjanjian perkongsian, perbadanan perniagaan, memorandum dan artikel persatuan, senarai pengarah dan pemegang saham;

*A copy of Registration of Business Name under 16 & 17 is **only required to be submitted** when the company has been established previously or the premise involves a partnership, either as a company or a business enterprise. The applicant(s) shall alongside submit the relevant documents which include partnership agreement, incorporation of business, memorandum and articles of association, list of directors and shareholders as stated in 7.2(d)*

7.5 Setelah surat kelulusan premis veterinar diperolehi daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, syarikat boleh memohon beberapa lesen seperti berikut:
Subsequently, upon an approval letter of the veterinary premise from the Department of Agriculture and Agrifood, the company shall then be able to apply for the following licenses, registrations and certificates:

7.5.1 Pendaftaran dan Sijil Pengamalan Tahunan untuk doktor veterinar; dan
Registration and Annual Practicing Certificates for the veterinary surgeon; and

7.5.2 Lesen Racun melalui Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan untuk pengimportan, penyimpanan dan penjualan ubat-ubatan veterinar dan yang berkaitan dengannya mengikut keperluan dalam Akta Racun, 2011.
Poison License through the Department of Pharmacy Services, Ministry of Health for the importation, storage and sale of veterinary medicines and related to it in accordance with the requirements of the Poisons Act, 2011.

8. MAKLUMAT LANJUT | FURTHER INFORMATION

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Unit Regulatori dan Penguatkuasaan Veterinar
Seksyen Regulatori Veterinar
Bahagian Industri Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Tel: +673 735 9566 (talian pejabat)
E-mel: regulatori.ternakan@gmail.com / urpv.livestock@agriculture.gov.bn

For further information, please reach out to:

Veterinary Regulatory and Enforcement Unit
Veterinary Regulatory Section-
Division of Livestock Industry and Veterinary Services
Department of Agriculture and Agrifood
*Tel: **+673 735 9566** (office contact)*
E-mail: regulatori.ternakan@gmail.com / urpv.livestock@agriculture.gov.bn

9. RUJUKAN | REFERENCES

- *Animal Humane Society (July, 2023).* ***The Five Freedoms Of Animals.*** *https://www.animalhumanesociety.org/health/five-freedoms-animals*
- *American Society for the Prevention of Cruelty to Animals (July, 2023).* ***S/N Building & Equipment Resource Guide.****https://www.aspcapro.org/sites/default/files/asna_building_resource_guide.pdf*
- *Animal Asia Foundation (July, 2023). Basics in Veterinary Hospital Set Up. https://www.animalsasia.org/assets/pdf/AAF-Basics%20in%20Vet%20Hospital%20set%20up%2020160921.pdf*
- *Brunei Darussalam Veterinary Council (2022).* ***Code of Veterinary Practice****. Department of Agriculture and Agrifood.*
- *Kepala Badan Standardisasi Nasional (September, 2023).* ***Pelayanan Kesehatan Hewan-Rumah Sakit Hewan, Klinik Hewan dan Praktik Dokter Hewan Mandiri.*** *Standard Nasional Indonesia. https://www.scribd.com/document/688211519/SNI-9184-2023-Pelayanan-Kesehatan-Hewan-RSH-KH-PDHM*
- *Veterinary Practice Board Western Australia (2022).* ***Guidelines For The Design And Equipping Of Veterinary Premises****. The Government of Western Australia. https://www.vsbwa.org.au/common/Uploaded%20files/vet%20Guidelines/Guidelines-designandEquip-VHAVC.pdf*

APPENDIX A

SENARAI SEMAK UNTUK MEMBUKA KLINIK VETERINAR

CHECKLIST FOR OPENING A VETERINARY CLINIC

BIL *NO.*	**KEMUDAHAN** *FACILITIES*	**NYATAKAN** *INDICATE (√ or X)*
	Reka Bentuk Standard *Standard Design*	
1.	Pintu Masuk Utama *Main entrance*	
2.	Ruang penyambut tetamu dan menunggu *Reception and waiting area*	
3.	Kawasan penyimpanan dokumentasi dan rekod *Documentation and records storage area*	
4.	Kawasan Konsultasi dan bilik pemeriksaan *Consultation area (s) and examination room*	
5.	Bilik pembedahan *Surgery room*	
6.	Farmasi / Dispensari atau Ubat / Racun / Tempat penyimpanan Vaksin *Pharmacy / Dispensary or Drugs / Poisons / Vaccines storage area*	
7.	Kawasan pengasingan *Isolation area*	
8.	Kawasan penyimpanan/ Penumpangan haiwan (sebelum dan selepas pembedahan) *Animal holding / boarding area (after pre and post surgery)*	
	a. Sangkar anjing *Dog cages*	
	b. Sangkar kucing *Cat cages*	
	c. Lain-Lain *Others*	
9.	Kawasan rehat kakitangan atau pejabat *Staff resting area or office*	
10.	Kawasan Mencuci dan Membersih *Washing and cleaning areas*	
11.	Kawasan pelupusan sisa dan biologiks, tempat penyimpanan dan pelupusan karkas *Waste and biologic waste disposal area, carcass storage and disposal area*	
12.	Kawasan penyimpanan dan Utiliti *Storage and Utility areas*	
13.	Tandas *Toilet*	
	Pilihan (Jika ada) *Optional (If Applicable)*	
14.	Kawasan ujian makmal dalaman *In-house laboratory testing area*	
15.	Bilik X-ray *X-ray room*	
16.	Kawasan pemulihan / pemulihan selepas pembedahan *Post-surgery recovery / recuperation area*	
17.	Bilik Penyediaan dan Rawatan Haiwan *Animal Preparation and Treatment Room*	

BIL *NO.*	KEMUDAHAN *FACILITIES*	NYATAKAN *INDICATE* *(√ or X)*
18.	Kawasan lawatan / Bilik sunyi *Visitation area / Quiet room*	
19.	Lain-lain (Sila nyatakan) *Others (Please state) :*_____	
	Lampiran *Attachment*	
20	Pelan susun atur premis dengan label kemudahan dengan jelas di mana berkenaan *Floor plan of the premise layout with clear label of the facilities where applicable*	

Nota / *Note:*

- Jika permohonan tidak lengkap, pihak Jabatan berhak untuk menolak permohonan berkenaan.
  If the application is incomplete, the Department reserves the right to reject the application.

APPENDIX B

SENARAI SEMAK UNTUK MEMBUKA HOSPITAL VETERINAR

CHECKLIST FOR OPENING A VETERINARY HOSPITAL

BIL ***NO.***	**KEMUDAHAN** ***FACILITIES***	**NYATAKAN** ***INDICATE (√ or X)***
	Reka Bentuk Standard *Standard Design*	
1.	Pintu Masuk Utama *Main entrance*	
2.	Ruang penyambut tetamu dan menunggu *Reception and waiting area*	
3.	Kawasan penyimpanan dokumentasi dan rekod *Documentation and records storage area*	
4.	Kawasan Konsultasi dan bilik pemeriksaan *Consultation area (s) and examination room*	
5.	Bilik pembedahan *Surgery room*	
6.	Farmasi / Dispensari atau Ubat / Racun / Tempat penyimpanan Vaksin *Pharmacy / Dispensary or Drugs / Poisons / Vaccines storage area*	
7.	Kawasan pengasingan *Isolation area*	
8.	Kawasan penyimpanan/ Penumpangan haiwan *Animal holding / boarding area*	
	a. Sangkar anjing *a. Dog cages*	
	b. Sangkar kucing *a. Cat cages*	
	c. Kurungan di luar premis bagi anjing *a. Dog runs*	
	d. Kawasan permainan kucing *a. Cat play area*	
	e. Lain-Lain *a. Others*	
9.	Kawasan rehat kakitangan atau pejabat *Staff resting area or office*	
10.	Kawasan Mencuci dan Membersih *Washing and cleaning areas*	
11.	Kawasan pelupusan sisa dan biologiks, tempat penyimpanan dan pelupusan karkas *Waste and biologic waste disposal area, carcass storage and disposal area*	
12.	Kawasan penyimpanan dan Utiliti *Storage and Utility areas*	
13.	Tandas *Toilet*	
14.	Kawasan ujian makmal dalaman *In-house laboratory testing area*	
15.	Bilik X-ray *X-ray room*	

BIL ***NO.***	**KEMUDAHAN** ***FACILITIES***	**NYATAKAN** ***INDICATE*** ***(√ or X)***
16.	Kawasan pemulihan / pemulihan selepas pembedahan *Post-surgery recovery / recuperation area*	
17.	Bilik Penyediaan dan Rawatan Haiwan *Animal Preparation and Treatment Room*	
18.	Kawasan lawatan / Bilik sunyi *Visitation area / Quiet room*	
19.	Kawasan senaman haiwan *Animal exercise area*	
20.	Lain-lain (Sila nyatakan) *Others (Please state) :*_____	
	Lampiran *Attachment*	
21	Pelan susun atur premis dengan label kemudahan dengan jelas di mana berkenaan *Floor plan of the premise layout with clear label of the facilities where applicable*	

CONTOH PELAN SUSUN ATUR

EXAMPLE OF LAYOUT PLAN

